

قیٰتیقین قیٰته

PETIKAN TITAH

"AMBILLAH pengajaran daripada bangsa-bangsa yang maju, mereka itu tidak mudah untuk membelakangi identiti masing-masing. Inilah juga yang sepatutnya ada pada kita".

- Titah Sempena Majlis Konvokesyen Ke-7 Universiti Teknologi Brunei pada 12 Muharam 1441H / 12 September 2019M.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قُلْ بِوْحَدَةٍ

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

4.52

5.02

6.26

6.50

12.22

3.44

6.16

7.31

TAHUN 65 / BILANGAN 155

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

26 DISEMBER 2020 / 1442 جمادى الاول 11

JABATAN PENERANGAN

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkanaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Beri peluang PMKS jana pendapatan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa menyaksikan salah satu petak jualan pada Ekspo Jualan Potensi Daerah Ke-3, 2020 yang diadakan di kawasan Letak Kereta, Jalan Bendahara berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid (Lihat muka 3).

Tingkatkan kawalan, cegah varian virus baharu

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Khamis, 24 Disember. - Tiada jangkitan yang disebabkan oleh varian baharu dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, hasil dapatan analisis saintifik Kementerian Kesihatan menunjukkan bahawa ujian PCR yang sedia ada di NBD akan mampu mengesan jangkitan yang disebabkan oleh varian baharu tersebut.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kementerian Kesihatan bagaimanapun telah mengambil tindakan untuk meningkatkan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi mencegah pengimportan varian virus baharu berkenaan.

"Di NBD, kawalan perjalanan keluar dan masuk ke dalam negara masih lagi dikuatkuasakan sebagai langkah-langkah pencegahan COVID-19. Semua perjalanan yang tidak penting (*non-essential travel*) ke NBD telah dihentikan buat sementara waktu.

"Permohonan yang telah dibuat bagi perjalanan penting (*essential travel*) dan telah diberikan kebenaran oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan adalah dikehendaki untuk menunjukkan bukti ujian RT-PCR COVID-19 negatif tidak lebih dari 72 jam sebelum berlepas ke NBD dan dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori (*mandatory self-isolation*) bagi tempoh sehingga 14 hari dari tarikh ketibaan serta hanya akan dibenarkan keluar dari pengasingan diri apabila mendapatkan keputusan ujian COVID-19 negatif," terang Yang Berhormat.

Ke muka 5

STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 25 DISEMBER 2020, 12.00 tengah hari

JUMLAH KES JANGKITAN

152

JUMLAH KEMATIAN

3

JUMLAH KES YANG SEMBUH

149

www.moh.gov.bn

MINISTRY OF HEALTH, BRUNEI DARUSSALAM

MOHBRUNEI

TALIAN NASIHAT COVID-19 148

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

DARIPADA Ibnu Umar Radiallahu anhu, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :"Sembahyang berjemaah itu lebih utama (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan 27 darjah".

- Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA



BRUNEI DARUSSALAM

2021

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Berita Utama



PENGHORMATAN untuk Adi Rumi

Muka 6



MEMBENTUK Muslimah berkualiti, berwibawa menuju jannah

Muka 28

Pengiktirafan S.E.A. Write Award perlu dipertahankan

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat bersama dalam majlis yang penuh berilmu dan berkat ini, iaitu Majlis Bersama Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), 1986 - 2019.

Dalam kesempatan ini, peramba / kaola / saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih / terima kasih kepada penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) kerana berkesudian hadir dan seterusnya, sama-sama mencanai idea dan memberikan pemikiran yang dapat dijaya untuk pelestarian dan penyebaran bahasa dan persuratan Melayu di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah selaras dan amat bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Keberangkatan Tidak Berjadual baginda ke Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan baru-baru ini, terutamanya penekanan baginda terhadap peranan kementerian dan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara dan seterusnya menjadi jentera kepada pembangunan tamadun bangsa.

Alhamdulillah, kita amat bersyukur pelbagai usaha dan dukungan telah dilaksanakan oleh DBP, terutamanya dalam melahirkan penulis, penyair dan penggiat sastera yang mapan dan prolifik sehingga mampu meraih pengiktirafan serta penghargaan baik dalam negara maupun luar negara. Pencapaian itu dapat kita raih apabila penulis dan karya tanah air diangkat secara berterusan dengan adanya pengiktirafan dan pemberian anugerah di peringkat serantau, khususnya dengan Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) yang terkenal dan berprestij tinggi. Peluang inilah yang perlu kita pertahankan sebagai satu platform bagi kita untuk terus memperkenalkan dan mempromosikan karya-karya tempatan.

Alhamdulillah, dengan adanya permuzakarahan pada hari ini, ianya merupakan satu tanda penghormatan dan penghargaan abis peramba / kaola / saya kepada penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara yang telah banyak berbakti dan berjasa menyumbangkan baik tenaga maupun pemikiran untuk pembangunan dan pembinaan bangsa.

Majlis pada hari ini juga cukup bermakna kerana banyak peluang keemasan yang akan kita akan peroleh dan dapatkan secara terangkum: Satu



MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, YANG BERHORMAT MEJAR JENERAL (B) DATO PADUKA SERI HAJI AMINUDDIN IHSAN BIN PEHIN ORANG KAYA SAIFUL MULOK DATO SERI PADUKA HAJI ABIDIN SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS BERSAMA PENERIMA ANUGERAH PENULIS ASIA TENGGARA (THE S.E.A. WRITE AWARD), 1986 - 2019 PADA ISNIN, 28 RABIULAKHIR 1442 HIJRAH BERSAMAAN 14 DISEMBER 2020 MASIHI DI BALAI SARMAYUDA, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BERAKAS.

lakaran sejarah diabadikan apabila penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara dari tahun 1986 hingga 2019, penulis prolifik, penulis mapan dan penulis muda dihimpunkan dalam satu majlis. Setentunya, dalam menjunjung hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita amat memerlukan para penerima anugerah ini untuk kita belajar, menimba pengetahuan dan pengalaman serta mendapatkan saran dan nasihat bagi merangka hala tuju serta strategi pengukuhan, pelestarian dan penyebaran bahasa serta persuratan Melayu di negara ini.

Sepertimana yang dititahkan baginda, peradaban dan tamadun bangsa itu dibangunkan dengan bahasanya sendiri. Ini bermakna peradaban dan ketamadunan yang tinggi itu dapat dilihat bagaimana bangsa menggunakan bahasa sebagai medium untuk menyatakan dan menyampaikan pemikiran. Maka, upaya pembangunan tamadun bangsa itu sangat memerlukan daya fikir masyarakat yang disampaikan dengan bahasa dan salah satu penyampaian itu adalah melalui penulisan.

Oleh itu, para penulis, sasterawan, penyair, pujangga dan seumpamanya mempunyai peranan yang amat mustahak dalam proses pembinaan negara bangsa itu. Para penulis memiliki daya fikir dan intelek yang tinggi serta berani untuk menggarap idea besar untuk sama-sama mendukung kepada pembangunan dan

kemajuan negara. Pengayaan khazanah ilmu melalui penulisan dalam bahasa Melayu bukan sahaja memperlihatkan keunggulan peradaban dan tamadun Melayu malah, ia juga bertindak sebagai bukti kepada kekuatan dan pengembangan bahasa serta persuratan Melayu. Bagi kementerian serta DBP secara khususnya, pemikiran, pendapat dan saran daripada penerima-penerima anugerah pada hari ini mempunyai nilai yang tidak ada bandingnya bagi kita untuk merangka tindakan strategik dalam sama-sama membina dan membangun tamadun bangsa Melayu secara berterusan dan berkesan.

Di samping itu, di sinilah jua ruang dan peluang bagi memperkenalkan penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara dengan lebih dekat lagi kepada generasi penerus terutamanya para belia, remaja dan kanak-kanak. Oleh yang demikian, amat wajar bagi kita untuk benar-benar memanfaatkan platform yang sangat unik ini, mengukuhkan lagi jalinan silaturahim dan bagi penulis-penulis muda kita secara khususnya, untuk bersua dan berkenalan dengan para penulis yang tersohor demi menjamin hubungan antara generasi kini dan yang akan datang dalam mengembangkan bahasa Melayu sebagai jentera kepada pembangunan tamadun bangsa secara berterusan.

Untuk akhirnya, peramba / kaola / saya penuh berharap perkongsian dan permuzakarahan ini akan memberikan kemanfaatan dan nilai tambah kepada apa yang telah diungkapayakan serta diusahakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta DBP. Akhir kalam, peramba / kaola / saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih / terima kasih kepada penerima-penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara atas kehadiran serta segala sumbangan yang diberikan sehingga hari ini. Sekalung budi juga ditujukan kepada Ahli Jawatankuasa Kerja dan semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua memberikan ganjaran pahala atas usaha, pemikiran dan sumbangan tenaga yang telah diberikan.

Kain sarung si kain Tajung;
Pakaian biasa si Dara Ayu,
Sastera disanjung bahasa dijunjung;
Terangkat bangsa Tamadun Melayu.

Kayuh sampan juluk Pidada;
Dicecah sira nyaman dirasa,
Pertemuan Sasterawan Bercambah Minda;
Sastera Melayu Jentera Pembangunan Bangsa
Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

26 DISEMBER 2020 BERSAMAAN 1442 جمادی الاول 11

PASTIKAN PLAT KENDERAAN MEMENUHI PERATURAN, SPESIFIKASI YANG DIBENARKAN

SETIAP pemandu kenderaan hendaklah mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Oleh itu, sebagai seorang pemandu, sebelum memulakan perjalanan sama ada perjalanan jarak jauh maupun dekat, hendaklah sentiasa memastikan kenderaan yang digunakan tidak menyalahi peraturan seperti menggunakan nombor plat pendaftaran kenderaan yang pudar.

Jabatan Pengangkutan Darat (JPDR), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dalam Sidang Mediannya baru-baru ini menerusi para pemandu agar mengelakkan nombor plat pendaftaran kenderaan tersebut pudar. Malahan bagi syarikat-syarikat yang diiktiraf atau wakil syarikat masing-masing adalah disarankan dan dikehendaki untuk menggunakan bahan-bahan yang berkualiti tinggi dalam sama-sama memastikan warna putih pada abjad dan nombor akan dapat bertahan lama.

Sehubungan itu, amatlah mustahak kerjasama syarikat-syarikat yang diiktiraf bagi membuat, membekal dan memasang nombor plat pendaftaran kenderaan dengan abjad dan nombor bersaiz kecil yang mula dikuatkuasakan pada tahun 2011 untuk membekalkan nombor plat pendaftaran kenderaan yang memenuhi peraturan-peraturan dan spesifikasi yang dibenarkan.

Plat pendaftaran kenderaan hendaklah diperbuat daripada aluminium dengan permukaan tanda pengenal timbul keluar. Sementara itu, plat pendaftaran hendaklah berwarna hitam dan nombor tanda pengenal berwarna putih dengan ukuran yang ditentukan.

Dalam Sidang Media tersebut jua memaklumkan bahawa sebanyak enam buah syarikat bagi membuat, membekal dan memasang plat bilangan pendaftaran kenderaan bersaiz kecil tersebut. Syarikat-syarikat yang dimaksudkan ialah BKB Sdn. Bhd. (BKB), Hock Motor Company (HMC), Syarikat Shalim (B) Sdn. Bhd. (SSB), Bayu Ilham Motors Sdn. Bhd. (BIM), CKM Transportation Services (CKM) dan New Zen View Company. Selain itu, beberapa syarikat juga dilantik sebagai wakil syarikat seperti berikut iaitu wakil New Zen View Company ialah Tat Lee Company, Hook Siong Hin dan Ban Lee Hua Co. Sdn. Bhd. Manakala wakil syarikat BKB Sdn. Bhd. ialah MNP Enterprise, Kah Huat & Brothers Workshop, Roshjaya Motor Sdn. Bhd., Systemair Enterprise dan Seng Hoe Huat.

Dalam hal ini, orang ramai adalah disarankan untuk membuat tempahan nombor plat pendaftaran kenderaan dengan syarikat-syarikat seperti yang disebutkan tersebut dan seterusnya dipohonkan akan dapat mengantikan nombor plat pendaftaran kenderaan masing-masing yang pudar.

Sebagai satu usaha dalam melaksanakan tanggungjawab sosial, beberapa syarikat tersebut yang dinyatakan turut sama menawarkan potongan harga kepada orang ramai bagi mengantikan nombor plat pendaftaran kenderaan yang pudar dan dibekalkan oleh syarikat yang berkenaan bagi tempoh selama tiga bulan mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Selain itu, JPDR juga menubuhkan satu kumpulan tindakan bagi membuat kajian mengenai nombor plat pendaftaran kenderaan pudar dan seterusnya akan menjalankan ujian-ujian teknikal bagi memastikan nombor plat pendaftaran kenderaan adalah berkualiti dan memenuhi spesifikasi. Jika didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan pembekalan, pembuatan dan pemasangan nombor plat pendaftaran kenderaan yang ditetapkan, JPDR akan mengambil tindakan membatalkan atau mengantikan operasi syarikat berkenaan. - Ketua Penyuntingan (Hs)

Dari Sidang Pengarang.

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	32 °C	33 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	32 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	32 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	32 °C	33 °C

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi DISEMBER	HARI	Hijrah JAMADILAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
26	SABTU	11	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16 7.31
27	AHAD	12	4.53	5.03	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16 7.31
28	ISNIN	13	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17 7.32
29	SELASA	14	4.54	5.04	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17 7.32
30	RABU	15	4.54	5.04	6.27	6.52	12.24	3.46	6.18 7.33
31	KHAMIS	16	4.55	5.05	6.28	6.52	12.24	3.46	6.19 7.33
1 JANUARI	JUMAAT	17	4.55	5.05	6.28	6.53	12.25	3.47	6.19 7.34

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC 123 | 2380214

Beri peluang PMKS jana pendapatan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Ekspos Jualan Potensi Daerah Ke-3, 2020 kini dibuka bagi kunjungan orang

ramai mulai 23 Disember 2020 hingga 3 Januari 2021 bermula jam 4.00 petang hingga 10.00 malam pada setiap Isnin hingga Sabtu, manakala Ahad pula akan dibuka mulai jam 7.00 pagi bertempat di kawasan Letak Kereta, Jalan Bendahara berhadapan dengan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di sini.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Ekspos berkenaan dirasmikan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

ANTARA pengusaha yang menyertai Ekspos Jualan Potensi Daerah Ke-3, 2020.

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa merasmikan Ekspos Jualan Potensi Daerah Ke-3, 2020 (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat meninjau salah satu petak jualan.

Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Ekspos Jualan Potensi Daerah 2020 bertujuan untuk memberikan peluang dan membantu Pengusaha-pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), termasuk 1 Kampung 1 Produk (1K1P), Sinar Harapan (Rakan Selian), Konsortium Muallafpreneurs bagi mempromosikan produk masing-masing, dan seterusnya menjana pendapatan dan meningkatkan sosioekonomi mereka.

Jualan ini juga diadakan sempena musim cuti sekolah hujung tahun bagi menggalakkan orang ramai untuk berbelanja di negara ini, sesuai dengan temanya, 'Bersatu Dalam Menjayakan Impian Bangsa'.

Di samping itu, Ekspos Jualan Potensi Daerah 2020 juga akan menyediakan pelbagai aktiviti riadah untuk seisi keluarga.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Tonjol bakat dalam e-Sukan



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awab

JERUDONG, Jumaat, 25 Disember. - Hadiat keseluruhan berjumlah BND15,000 menanti para pemenang pada Kejohanan E-Sukan Brunei 2020 yang bermula hari ini dan menyaksikan lebih 500 peserta mengambil bahagian pada tahun ini.

Kejohanan anjuran Infocom Federation Brunei (IFB) bersama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ini adalah sebahagian daripada acara yang

diumatkan dalam kalendar Festival Disember Brunei 2020 (BDF 2020).

Pelancarannya disempurnakan pagi tadi oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin

Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bersama-sama dengan Pengurus IFB, Awang Sheikh Haji Abas bin Sheikh Mohamad yang berlangsung di Dewan 2, BRIDEX, di sini.

Kejohanan selama tiga hari ini akan menyaksikan para peserta dari keempat-empat daerah bersaing dalam empat permainan e-Sukan iaitu Dota 2, Tekken 7, Mobile Legends dan PUBG Mobile.

Awang Sheikh Haji Abas dalam ucapannya berkata bahawa e-Sukan kini menjadi industri bernilai berbilion-bilion di seluruh dunia, terutamanya di Asia Tenggara, di mana e-Sukan menjadi sukan yang sangat terkenal khususnya dalam

kalangan belia.

Kemasukan e-Sukan pada Sukan Asia Tenggara (SEA) 2019 di Manila tambahnya, adalah bukti populariti e-Sukan di rantau ini, di mana Viet Nam, akan memasukkan e-Sukan dalam Sukan SEA Ke-31 akan datang, sekali gus membuktikan bahawa e-Sukan akan berada dalam jangka masa panjang.

Seperti yang awda lihat jelasnya, Negara Brunei Darussalam (NBD) juga mempunyai pemain berbakat e-Sukan sendiri yang aktif bertanding dalam kejohanan dalam dan luar negara. Walaupun baru wujud, terdapat tanda positif pertumbuhan sektor ini di NBD dalam beberapa tahun kebelakangan.

"Dalam dua tahun kebelakangan ini, kami menyaksikan sejumlah besar kejohanan dianjurkan dan peningkatan penajaan dari sektor swasta. Iini adalah untuk memastikan bahawa e-Atlet tempatan kita mempunyai kelengkapan yang baik untuk bersaing di peringkat serantau dan global dan akhirnya memenangi pingat emas untuk negara kita yang tercinta," terang beliau.

Awang Sheikh Haji Abas seterusnya berharap agar kejohanan ini akan dapat mendorong lebih banyak belia ke dalam permainan yang kompetitif dan menjadi e-Atlet NBD seterusnya yang akan bertanding di arena antarabangsa dan membawa bendera NBD.

COVID-19 : Tidak ada kes baharu



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) dan Yang Mulia Pemangku Menteri Pendidikan (kanan) ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

BERAKAS, Khamis, 24 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) terus mengekalkan jumlah keseluruhan kes COVID-19 seramai 152 orang

dengan tidak ada kes baharu jangkitan COVID-19 disahkan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar mengumumkan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD yang

berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Yang Berhormat turut mengongsikan bahawa tidak ada kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan jumlah kes yang sembah kekal seramai 149 orang.

Setakat ini, jelas Yang Berhormat, sebanyak 11 kes import disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020, di mana dengan ini, NBD mencatatkan 232 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.

Pada hari ini, seramai 752 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh kerajaan, iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai 9,943 orang menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 131 sampel diuji

bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 82,039 ujian.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing dengan mengamalkan kebersihan diri, etika bersin yang betul, digalakkan memakai sungup muka (*face mask*) apabila berada di tempat-tempat awam yang penuh sesak dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke tempat-tempat awam dan majlis keramaian.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang dikeluarkan dan masih berkuat kuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

Tingkatkan kawalan, cegah varian virus baharu

Dari muka 1

Jelas Yang Berhormat, laporan situasi terkini berkenaan varian COVID-19 yang baharu ini menekankan kepentingan untuk mengenal pasti vaksin yang selamat dan berkesan terhadap COVID-19 dalam memastikan NBD sentiasa dilindungi daripada kemunculan ancaman baharu (*emerging threats*).

Menurut Yang Berhormat, dalam hal ini, Kementerian Kesihatan meneliti data dan maklumat terhadap calon-calon vaksin yang ada pada masa kini.

Pihak kerajaan juga jelas Yang Berhormat, sedang giat mengenal pasti calon-calon vaksin yang efektif dan selamat serta berusaha untuk mendapatkan akses kepada vaksin-vaksin tersebut.

Tegas Yang Berhormat, perbincangan pelbagai hala (*multilateral discussions*) melalui kemudahan COVAX dan dua hala (*bilateral arrangements*) dengan pengeluar vaksin yang tertentu telah diadakan serta perundingan tambahan lain juga diadakan untuk menjamin akses dan perolehan vaksin bagi NBD.

Kata Yang Berhormat, di samping usaha dalam menjamin perolehan vaksin, Kementerian Kesihatan juga sedang mempersiapkan strategi *deployment* kebangsaan untuk dilaksanakan apabila vaksin COVID-19 yang selamat dan berkesan sudah tersedia untuk digunakan.

"Sebuah jawatankuasa teknikal telah dibentuk untuk merangka dan melaksanakan Strategi Vaksinasi Negara (National Vaccination Strategy). Oleh kerana bekalan global vaksin yang terhad,

pengagihan vaksin akan dilakukan secara berfasa dan keutamaan diberikan kepada individu-individu yang berisiko tinggi terlebih dahulu.

"Apabila program vaksin ini telah dilaksanakan, setiap individu boleh memainkan peranan mereka dengan mendapatkan vaksin apabila mereka ditawarkan vaksin tersebut. Ini akan memastikan bahawa setiap individu dapat melindungi diri sendiri, orang yang mereka sayangi dan juga masyarakat daripada jangkitan COVID-19," jelas Yang Berhormat lagi.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global dan akan melaksanakan penilaian risiko secara berterusan. Kementerian Kesihatan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi ini, jika perlu dari semasa ke semasa.

Terdahulu, Yang Berhormat turut memaklumkan kepada orang ramai berkenaan dengan situasi jangkitan COVID-19 di United Kingdom (UK).

Pada 19 Disember 2020, Kerajaan UK melaporkan mengenai penemuan varian baharu bagi virus SARS-CoV-2 yang didapati merebak di beberapa buah kawasan di negara tersebut.

Jelas Yang Berhormat, varian virus baharu ini yang diberikan nama B.1.1.7 (VUI-202012/01) adalah merupakan mutasi pada kod genetik virus SARS-CoV-2 yang telah bermula sejak bulan September 2020.

"SARS-CoV-2 adalah sejenis

virus RNA dan mutasi virus berlaku secara semula jadi dalam proses replikasi virus. Ribuan mutasi atau perubahan boleh dan telah berlaku pada virus SARS-CoV-2 tersebut tetapi hanya sebilangan kecil yang menyebabkan perubahan yang penting kepada sifat virus tersebut. Pihak berkuasa kesihatan di UK telah menyatakan bahawa varian yang baharu dilaporkan ini

meningkatkan kemampuan virus tersebut untuk lebih mudah berjangkit atau *transmissible* dari seorang individu ke individu lain.

"Walaupun varian atau *strain* baru ini dikatakan lebih mudah berjangkit, namun tidak ada bukti yang menunjukkan *strain* ini menyebabkan perubahan kepada *severity* penyakit ataupun kepada tindak balas antibodi mahupun

keberkesanan vaksin terhadap virus tersebut. Aspek-aspek ini masih giat disiasat oleh pihak berkuasa di UK," ujar Yang Berhormat lagi.

Semasa sesi soal jawab mengenai ketibaan vaksin tersebut ke negara ini, Yang Berhormat mengongsikan bahawa vaksin tersebut akan dijangka sampai di negara ini pada suku kedua tahun depan.

Kebenaran pelajar ke UK ditangguhkan

BERAKAS, Khamis, 24 Disember. - Kementerian Pendidikan ingin memaklumkan bahawa atas nasihat dan kerjasama Kementerian Kesihatan dalam mengikuti perkembangan serta situasi semasa pandemik COVID-19 di United Kingdom (UK) mengenai penemuan varian atau *strain* virus baharu yang mudah menjangkiti, dengan ini dimaklumkan bahawa kebenaran keluar negeri penuntut-penuntut warganegara Brunei Darussalam menuju ke UK akan ditangguhkan buat sementara waktu sehingga 31 Januari 2020 tertakluk kepada penilaian risiko daripada Kementerian Kesihatan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah

binti Haji Mohd. Salleh pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Penangguhan sementara ini jelas Yang Mulia, adalah termasuk kebenaran awal penuntut-penuntut yang berhasrat untuk kembali ke UK yang dijadualkan mengikuti Penerangan Diraja Brunei pesawat BI 003 pada Sabtu, 2 Januari 2021.

Berpandukan kepada maklumat yang diterima dari Unit Penuntut-Penuntut, Suruhanjaya Tinggi NBD di UK mengenai sesi pembelajaran bagi pelajar-pelajar ujar Yang Mulia, kebanyakan universiti masih menjalankan pembelajaran secara dalam talian (*online learning*).

Kata Yang Mulia, walaupun pembelajaran dijalankan secara bersempena (*face-to-face*) bermula Semester 2 yang akan datang, pihak universiti juga masih mengekalkan pembelajaran secara dalam talian.

Kementerian Pendidikan tambah Yang Mulia, akan terus bekerja rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam memantau situasi pandemik COVID-19 di UK dan seterusnya mendapatkan nasihat yang bersetujuan dengan keadaan semasa.

Bagi sebarang maklumat lanjut dan terperinci, bolehlah berhubung terus dengan Bahagian Biasiswa di Tingkat 5, Blok 'C', Bangunan Kementerian Pendidikan, Berakas atau melalui talian +673 2380019 semasa waktu bekerja.

Penghormatan untuk Adi Rumi



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Multaq Sasterawan Islam Brunei: Adi Rumi. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned atau lebih dikenali dengan nama Adi Rumi dalam dunia penulisan, telah banyak menyumbang kepada perkembangan bahasa, sastera, agama dan budaya serta negara melalui penghasilan karya-karya sastera Islam yang unggul dan berkualiti.

Atas sumbangan tersebut, Adi Rumi diangkat sebagai penerima Anugerah Kesusastraan Islam (AKI) pada tahun 2013 oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, Majlis Multaq Sasterawan Islam Brunei: Adi

Rumi berlangsung malam tadi di Balai Sarmayuda, DBP, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Pemangku Pengarah DBP, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Majlis dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, usaha DBP dalam memberikan apresiasi dan penghargaan kepada penulis-penulis tanah air yang telah menerima anugerah giat dilaksanakan sebagai inisiatif dan strategi jabatan ini bagi menggalakkan dan mendorong generasi muda khasnya untuk menghasilkan penulisan yang mampu menyumbang kepada pembangunan tamadun bangsa.

"Alhamdulillah, baru-baru ini, DBP telah menjayakan satu majlis apresiasi, iaitu Majlis Bersama Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), 1986-2019. Projek ini memberikan peluang kepada penerima-penerima Anugerah

Penulis Asia Tenggara menyuarakan pemikiran, pendapat dan saranan dalam sama-sama membantu KKBS dan DBP menanai tanggungjawab, dan mengangkat serta memperkasa bahasa dan persuratan Melayu. 'Wira Bahasa' idea fikir yang dikongsikan oleh Adi Rumi pada pertemuan tersebut. Menurut Adi Rumi, Wira Bahasa ini penting dalam menangani situasi yang kita alami, iaitu kemelut atau krisis bahasa. Kemelut Bahasa berlaku apabila warganegara menyisihkan atau tidak menggunakan bahasa Melayu dan lebih gemar menggunakan bahasa asing. Hal ini tidak dapat diragui lagi sebagai satu kemelut atau krisis dalam yang setentunya memerlukan ubat dan rawatan daripada doktor yang berstatus wira bahasa. Suara dan semangat daripada Wira Bahasa amat diperlukan. Dalam hal ini, Adi Rumi mempersoalkan jika negara kita sudah mempunyai ciri-ciri wira seperti itu? Inilah yang ditanggapi oleh DBP penerima-penerima anugerah sebagai Wira Bahasa yang didepankan kedudukannya untuk mendangani DBP mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai jentera kepada pembangunan tamadun bangsa," jelasnya lagi.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan melancarkan dua buah buku kumpulan sajak terbaru karya Adi Rumi, iaitu 'Kumpulan Sajak Di Mana Pun Adalah Bumi Allah' dan 'Kumpulan Sajak Datangmu Dirindui Pergimu Ditangisi'. Majlis diteruskan dengan Bicara Ketokohan dan Pemikiran Adi Rumi yang disampaikan oleh Profesor Madya di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah atau lebih dikenali sebagai Rahimi A.B.

Seterusnya, majlis disusuli dengan seindah bicara daripada Yang Berhormat Mufti Kerajaan, antara lain mengongsikan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada pelancaran dua buah buku kumpulan sajak terbaru, karya Adi Rumi, iaitu 'Kumpulan Sajak Di Mana Pun Adalah Bumi Allah' dan 'Kumpulan Sajak Datangmu Dirindui Pergimu Ditangisi'.

permulaan beliau berkarya dalam pentas penulisan dan dunia kesusastraan pada tahun 1956.

Yang Berhormat turut mendeklamasikan dua buah sajak, iaitu 'Sajak Irama Muda' dan 'Sajak Era Tua'.

Adi Rumi merupakan nama yang tidak asing lagi dalam pentas penulisan dan kesusastraan di Negara Brunei Darussalam dan telah banyak menghasilkan karya-karya sastera Islam yang unggul dan berkualiti sehingga sering meraih penghargaan dan pengiktirafan baik dalam negara maupun luar negara.

Beberapa anugerah berprestij yang diterima Adi Rumi ialah Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award), 2000; Anugerah Penulisan Islam YSHHB (API), 2011; Anugerah Kesusastraan Islam Ke-2, YSHHB (AKI), 2013; dan Anugerah Sastera Mastera (ASM), 2018.

Multaq Sasterawan Islam Brunei merupakan projek tahunan DBP melalui Bahagian Penyelidikan, Dokumentasi dan Pengiktirafan sebagai bentuk penghormatan dan apresiasi kepada sasterawan-sasterawan tanah air.

Projek ini berperanan dalam memberikan penghargaan kepada penerima-penerima anugerah berprestij, iaitu dimulakan dengan sasterawan yang telah diiktiraf sebagai Penerima Anugerah Kesusastraan Islam (AKI), kemudian Penerima Anugerah Sastera Mastera (ASM) dan seterusnya, Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award).

Tahun ini merupakan tahun kedua multaq ini diadakan sejak ia mula diungkayahkan pada tahun 2019 yang diadakan khusus untuk mengapresiasi dan menghargai Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim (Yahya M.S.), Penerima Anugerah Kesusastraan Islam pada tahun 2008.



MAJLIS disusuli dengan seindah bicara daripada Yang Berhormat Mufti Kerajaan, antara lain mengongsikan permulaan beliau berkarya dalam pentas penulisan dan dunia kesusastraan pada tahun 1956.

Adapun objektif majlis tersebut adalah untuk mengapresiasi dan memberi penghormatan kepada penulis-penulis tanah air yang telah menerima anugerah-anugerah dalam dan luar negara atas jasa serta bakti mereka dalam menyumbangkan baik tenaga maupun pemikiran untuk pembangunan dan pembinaan bangsa; mengangkat ketokohan dan kepenggarangan penulis-penulis tanah air kepada masyarakat dan generasi muda khasnya; dan mengetengahkan dan menyerlahkan hasil karya penulis-penulis tanah air kepada masyarakat terutamanya generasi muda.

Pengukayahan majlis tersebut diharap dapat meningkatkan kesedaran dan perhatian generasi muda khususnya remaja serta belia mengenai kepentingan penulisan dalam pembangunan sahsiah belia; dan memotivasi masyarakat khususnya generasi muda (peneraju utama pembangunan negara) untuk memberikan sumbangan dan jasa dalam pembangunan negara.



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya.



DUA buah buku kumpulan sajak terbaru karya Adi Rumi, iaitu 'Kumpulan Sajak Di Mana Pun Adalah Bumi Allah' dan 'Kumpulan Sajak Datangmu Dirindui Pergimu Ditangisi'.

Kongsi inovasi menyumbang pada perkembangan penerbangan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan cenderahati penghargaan kepada mantan Pengarah Penerbangan Awam (atas). Manakala gambar kanan, suasana Forum Penerbangan Awam 2020 yang berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Jalan Tungku Link.



Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

TUNGKU LINK, Rabu, 23 Disember. - Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mengadakan Forum Penerbangan Awam 2020, berlangsung di Bangunan Ibu Pejabat Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Jalan Tungku Link, di sini.

Forum berkenaan merupakan salah satu daripada aktiviti Jabatan Penerbangan Awam sempena Hari Penerbangan Awam Antarabangsa

yang disambut pada 7 Disember setiap tahun.

'Advance Innovation for Aviation Development' adalah tema bagi forum berkenaan, yang dibincangkan menerusi dua sesi dengan topik 'Inovasi di Dunia Penerbangan'; dan 'Kesan Pandemik COVID-19 Terhadap Industri Penerbangan dan Bagaimana Inovasi Membantu Mengatasi Pandemik'.

Seramai sembilan ahli panel dari

dalam dan luar negara menyertai forum berkenaan, termasuk Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari mewakili Youth Professional Networks Brunei juga wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan; Jabatan Penerbangan Awam; Jabatan Kemajuan Pelancongan; Pihak Berkua Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) Negara Brunei Darussalam; Syarikat Penerbangan Diraja Brunei; DST Sdn. Bhd.; dan Civil Aviation Authority of Singapore (CAAS).

Dalam dua sesi tersebut,

ahli-ahli panel mengongsikan pendapat menurut bidang kepakaran masing-masing, berkongsi pengalaman dan membincangkan pandangan juga pemikiran tentang inovasi yang dapat menyumbang pada perkembangan mengenai penerbangan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, yang turut menyampaikan cenderahati

kepada mantan-mantan Pengarah Penerbangan Awam yang pernah menerajui juga menyumbangkan bakti kepada Jabatan Penerbangan Awam.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Eksekutif; Pegawai-pegawai Kanan; juga pegawai; dan kakitangan dari Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi; jabatan-jabatan dan autoriti di bawahnya; juga agensi-agensi berkepentingan.

COVID-19 : 673 jalani pengasingan diri

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (233 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
673	10,043

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
194 sampel	82,233

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan

jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 orang.

Melalui Siaran Akhbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Sinar Islam terus berkembang



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh menyampaikan cenderahati kepada saudara baharu, Jail Lord Rodavites Junsay, yang memilih nama Islamnya Mohammad Jaad Jameel Junsay bin Abdullah.

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Disember. - Sinar cahaya Islam telah menarik hati dua orang warganegara Filipina untuk menganut Islam sebagai pegangan hidup mereka.

Kedua-dua mereka melafazkan dua kalimah syahadah dalam Majlis Pengislaman yang berlangsung di Bilik VIP, Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, hari ini, di sini.

Jail Lord Rodavites Junsay, 31, memilih nama Islamnya sebagai Mohammad Jaad Jameel Junsay bin Abdullah manakala Dolores Marcos Mercado, 46, kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Keysha binti Abdullah.

Ke muka 16

Peletakan Batu Asas Bangunan Unit Perlindungan baharu



STRUKTUR Bangunan Unit Perlindungan, Kompleks Rumah Kebajikan berkenaan.



Oleh : Aimi Sani
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Bangunan Unit Perlindungan, Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) akan berfungsi sebagai rumah perlindungan dan tempat keselamatan bagi penghuni dan residen lelaki dan perempuan dewasa, kanak-kanak dan anak damit yang terlibat dengan masalah sosial.

Kemasukan kes-kes tersebut ke KRK adalah melalui Akta Perlindungan Kanak-Kanak dan

Orang Muda 2010 dan Akta Perempuan-Perempuan dan Gadis-Gadis Penggal 120.

Pagi tadi, Majlis Peletakan Batu Asas bagi Pembinaan Bangunan Baharu disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin di tapak bangunan tersebut bertempat di Kampung Belimbang Subok, di sini.

Pembinaan bangunan baharu ini adalah berkoncepsyen rumah kontemporari, kekeluargaan dan bersesuaian dengan persekitaran yang selamat serta selesa.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas bagi Pembinaan Bangunan Unit Perlindungan, Kompleks Rumah Kebajikan yang baharu (kiri sekali). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat semasa menyaksikan struktur bangunan baharu tersebut.

Konsep struktur bangunan juga akan mengambil kira keperluan dan kesesuaian bagi Orang Kelainan Upaya (OKU).

Projek pembinaan tersebut mula dibina pada bulan November 2020 dan akan dijangka siap pada bulan Disember 2021.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan bacaan doa khas yang diketuai oleh Guru Ugama KRK, Awang Haji Nordin bin Haji Durahman, diikuti dengan penyempurnaan peletakan batu asas.

Majlis turut dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis selaku Penghulu Mukim Kota Batu, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, KKBS.

Pilih Islam sebagai pegangan hidup



TEMBURONG, Khamis, 24 Disember. - Jumlah mualaf di negara ini terus bertambah, merangkumi daripada pelbagai bangsa dan kaum yang memilih agama Islam sebagai agama pegangan hidup mereka.

Mengikut statistik, mulai Januari hingga 19 Disember 2020, seramai 414 orang memeluk agama Islam seluruh negara, di mana 94 orang daripadanya berbangsa Iban.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alá, sebuah keluarga seramai empat orang, berbangsa Iban, iaitu Awang Michal anak Mang dan keluarga.

Michal anak Mang, 42 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Anshary Amrullah; dan Zulkini anak Berauh, 21 tahun,



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa hadir pada Majlis Pengislaman yang diadakan di Kampung Sumbiling Lama, Daerah Temburong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri). Sementara gambar atas, sebuah keluarga seramai empat orang, berbangsa Iban, iaitu Awang Michal anak Mang dan keluarga, memilih agama Islam sebagai pegangan hidup dan melafazkan dua kalimah syahadah dalam Majlis Pengislaman tersebut.

Muhammad Anshary Amrullah bin 'Abdur Rahim, sementara isterinya, Madeline anak Lusing, 37 tahun, kini dikenali sebagai Nur Safirah binti Abdullah Lusing.

Manakala, Sebastian Juman anak Michal, 10 tahun, memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Safiyuddin bin Muhammad Anshary Amrullah; dan Zulkini anak Berauh, 21 tahun,

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

kini dikenali sebagai Muhammad Zul Fadhl bin Abdullah Berauh.

Acara diteruskan dengan Penyampaian Cenderahati oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; dan Penyampaian Cenderahati daripada wakil Jeep Owners Group Brunei.

Juga hadir, Ahli Majlis

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; juga pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tarik minat pelajari, kuasai bacaan Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (depan, tengah) hadir pada Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Antarabangsa Orang Kelainan Upaya 2020 (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat menyampaikan cenderahati dan sijil kepada peserta khatam. Sementara gambar bawah kanan, para peserta yang mengikuti majlis berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Bahagian Perkhidmatan Orang Kelainan Upaya (OKU), Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Hari Antarabangsa OKU 2020 bagi pelatih-pelatih; pegawai dan kakitangan Pusat Bahagia seluruh daerah; dan Ahli-ahli Majlis Kesejahteraan Orang Kelainan Upaya (MKOKU) juga persatuan-persatuan di bawahnya. Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Digadong, KKBS, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin

Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir, Setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap di KKBS, ibu bapa dan penjaga pelatih Pusat Bahagia, pegawai juga kakitangan JAPEM dan Ahli-ahli MKOKU juga persatuan-persatuan di bawahnya.

Seramai 45 peserta, terdiri daripada 18 lelaki dan 28 perempuan berjaya menamatkan bacaan 30 juz Al-Quran.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diketuai oleh Yang Di-Pertua MKOKU, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Abdul Wahab, diikuti dengan bacaan Surah Adh-Duha hingga Surah An-Nas oleh para peserta khatam.

Doa Khatam Al-Quran dipimpin oleh Pelatih Pusat Bahagia Brunei dan Muara, Awangku Amirul Fa'iq @ Awangku Abdul Hakeem bin Pengiran Zali.

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban beramai-ramai dan diakhiri dengan Penyerahan Cenderamata serta Sijil Khatam kepada peserta-peserta khatam oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebelum menutup tirai majlis, bacaan Doa Selamat dibacakan oleh seorang OKU Penglihatan, Awang Muhammad Jamary bin Danggat @ Jamary anak Danggat, disusuli dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diimamkan oleh Ketua Guru Ugama, Pusat Bahagia Brunei Muara, Awang Haji Mayadi bin Haji Jais.

Majlis Khatam dianjurkan dengan kerjasama MKOKU dan persatuan-persatuan di bawahnya, antara lain bertujuan untuk



menarik minat pelatih-pelatih OKU untuk mempelajari dan menguasai bacaan Al-Quran; memupuk rasa kecintaan terhadap

Al-Quran, di samping untuk meraih berkah dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



Mohon keselamatan, keberkatan demi kesejahteraan semua



YANG Mulia Timbalan Menteri Pembangunan selaku Timbalan Pengerusi MKKJR hadir pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan Membaca Ratib Al-Attas, di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB).

Majlis ini diadakan bagi memanjangkan Doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya

Negara Brunei Darussalam sentiasa diberikan perlindungan agar terhindar daripada bala dan segala penyakit, khasnya wabak COVID-19 juga khusus untuk memohon keselamatan bagi semua pengguna jalan raya agar terpelihara daripada sebarang kemalangan.

Acara ini merupakan salah satu usaha berterusan MKKJR untuk memohon berkat dalam segala usaha-usaha dan perancangannya

ke arah meningkatkan keselamatan jalan raya demi kesejahteraan semua.

Hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku Timbalan Pengerusi MKKJR.

Turut hadir, Ahli-ahli MKKJR; Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Ketua-ketua Jabatan; Pegawai-pegawai Kanan;

pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) juga jabatan-jabatan di bawahnya; dan Pihak-pihak Berkusa berkenaan.

Sembahyang Sunat Hajat, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah dan bacaan Ratib Al-Attas, diketuai oleh Pemangku Imam, Surau LTAB, Awang Mohammad Alihan bin Abusamah.

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi


Pada masa yang sama, majlis turut mengambil langkah-langkah kawalan penularan wabak COVID-19 yang masih dikuatkuasakan mengikut nasihat dan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

Dalam kesempatan ini, MKKJR menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk sentiasa memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu juga mengamalkan sikap pemanduan berhemah.

Pemandu-pemandu juga terus diseru untuk sentiasa mementingkan keselamatan dan mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu juga untuk sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan dan tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan demi menjaga keselamatan bersama juga mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

Orang ramai turut dinasihatkan untuk membuat pemeliharaan dan penyelenggaraan mengikut piawaian yang diluluskan bagi mengelak kejadian kebakaran kenderaan yang tidak diingini.

Terima sumbangan kitab-kitab agama, buku



YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima sumbangan kitab-kitab agama daripada Mufti Besar Kesultanan Oman, Sahibus Samahah Sheikh Ahmed bin Hamad al-Khalili yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, hari ini, menerima kunjungan daripada

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari, yang berlangsung di pejabat Yang Berhormat, di Darulifta, Jabatan

Berita dan Foto : Ihsan Awang Osman Abu Bakar

Mufti Kerajaan.

Tujuan kunjungan itu ialah bagi menyampaikan sumbangan kitab-kitab agama daripada Mufti Besar Kesultanan Oman, Sahibus Samahah Sheikh Ahmed bin Hamad al-Khalili.

Sebelum ini, Yang Berhormat juga menerima sumbangan buku daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Homeira Rigi Zirouki semasa mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat.



YANG Berhormat juga menerima sumbangan buku daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Islam Iran ke Negara Brunei Darussalam.

Galakan budaya celik membaca

Oleh :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

TEMBURONG, Khamis, 24 Disember. - Bagi mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah penduduk di negara ini yang berilmu dan celik membaca, satu lagi sudut bacaan dirasmikan di Rumah Panjang Kampung Sumbiling Lama, Daerah Temburong.

Hadir merasmikan Rak Buku Pusat Da'wah Islamiah (PDI) bagi rumah panjang tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Antara tujuan Rak Buku PDI ini diadakan ialah sebagai satu kemudahan bagi penghuni rumah



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa merasmikan dan seterusnya melihat buku-buku yang terdapat di Rak Buku Pusat Da'wah Islamiah bagi Rumah Panjang Kampung Sumbiling Lama, Daerah Temburong. Turut hadir pada majlis tersebut, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri dan kanan).

panjang tersebut untuk menambah bahan bacaan berdasarkan dengan buku-buku agama terbitan Pusat Da'wah Islamiah, selain menggalakkan budaya celik membaca kepada penghuni yang

menetap di rumah panjang berkenaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berserta rombongan berkesempatan beramah mesra dengan penghuni rumah panjang

tersebut.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Pemangku

Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop; serta pegawai dan kakitangan daripada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Tanjong Maya semasa merasmikan Beach Carnival 2020 di Pantai Seri Kenangan, Tutong.

Beach Carnival promosi Daerah Tutong

TUTONG, Jumaat, 25 Disember. - Dalam usaha untuk mempromosikan Daerah Tutong sebagai salah sebuah tempat



peranginan dan pelancongan di Negara Brunei Darussalam (NBD), Transformer Event dengan kerjasama Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Beach Carnival 2020 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini, di Pantai Seri Kenangan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan karnival berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya.

Pemilik Syarikat Transformer Event, Awang Muhammad Hassanuddinshah bin Razali dalam ucapannya menjelaskan karnival berkenaan antara lain bertujuan untuk menarik belia-belia NBD, khasnya belia-belia Daerah Tutong untuk terus menerus mempromosikan Daerah Tutong sebagai salah sebuah tempat yang menarik untuk dikunjungi.

"Semoga dengan berlangsungnya acara ini, para belia akan mula aktif dan diharap ia berjaya menarik minat para belia yang lain untuk menceburkan diri pada bidang keusahawanan di masa yang akan

datang," ujarnya.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Kemajuan Pelancongan, KSSUP,

Awang Haji Zulzalani bin Haji Osman; serta pegawai dan kakitangan daripada KSSUP.

PEMILIK Syarikat Transformer Event, Awang Muhammad Hassanuddinshah bin Razali semasa berucap.

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Latih belia berdikari, berusaha, bertanggungjawab



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kanan) semasa menyampaikan bantuan asasi kepada golongan yang memerlukan (atas), manakala gambar kanan, para peserta yang mengikuti Program Perkhemahan Belia Masjid berkenaan.

LAMBAK KIRI, Rabu, 23 Disember. - Program Perkhemahan Belia Masjid dan Kampung Peringkat Daerah Brunei dan Muara buat Kali Ketiga bagi Tahun 2020 berakhir dengan Majlis Penutup dan Penyampaian

Sijil kepada para peserta, bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lambak Kiri.

Hadir menyampaikan sijil kepada para peserta, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang

Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Bantuan Asasi kepada 15 orang yang memerlukan dari kawasan kampung tersebut.

Seramai 25 belia menyertai program selama tiga hari, bermula 21 hingga 23 Disember, anjuran Kumpulan Belia Masjid STKRJ Lambak Kiri dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid STKRJ Lambak Kiri tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan semasa program berkenaan, Ceramah Motivasi, Tadarus Al-Quran, Walkaton di Hutan Simpanan Berakas, Kempen Kebersihan di kawasan luar dan dalam masjid, Sukan Ria dan aktiviti-aktiviti keagamaan.

Program perkhemahan tersebut bertujuan untuk memberikan ilmu pengetahuan dunia akhirat, di samping mengimarakkan masjid sempena cuti sekolah dan memantapkan jati diri para belia yang dikehendaki agama, bangsa juga negara dan melatih mereka berdikari, berusaha dan bertanggungjawab.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad



Kongsi mengenai pengurusan haji



PEMANGKU Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad (tengah) semasa mengadakan sesi perkongsian berkaitan pengurusan Haji dalam keadaan pandemik bersama Tabung Haji Malaysia yang diadakan secara maya.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerima jemputan daripada Tabung Haji Malaysia untuk sesi perkongsian mengenai pengurusan haji dan beberapa perkara berkaitan dengan ibadah haji.

Hadir pada sesi tersebut ialah Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad; Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Dayang Hajah Zunainah binti Haji

Gunong; dan Pegawai Pelajaran Ugama (Ketua Bahagian Pengurusan Haji), Dayang Normawarni binti Md. Janai.

Turut hadir, Ataci Perhubungan Haji di Konsulat Agung Negara Brunei Darussalam di Jeddah, Arab Saudi, Awang Haji Muhammad Naqib bin Haji Awang dan Pemangku Ketua Bahagian Dasar dan Perhubungan Haji, Awang Haji Muhammad Izzuddin bin Haji Abd. Rani.

Manakala dari Tabung Haji Malaysia dihadiri oleh Pengarah

perkara seperti Pengurusan Haji dalam keadaan pandemik COVID-19, pemilihan bakal-bakal haji, kursus-kursus haji, prosedur saringan kesihatan dan anggaran kos haji.

Selain itu, membincangkan mengenai program pembangunan petugas haji, pembangunan Standard Operating Procedure (SOP) baharu untuk urusan jemaah haji, pengurusan umrah tahun semasa dan asas penangguhan pemergian jemaah haji kerana penularan wabak.

Sesi perkongsian diadakan secara maya menggunakan Microsoft Team Link berlangsung di Bilik Dahlia, Bangunan KHEU.

Cungkil bakat sampaikan puisi Islam

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali semasa menyampaikan hadiah kepada johan Pertandingan Membaca Puisi Islam bagi Beliawanis Masjid Senegara, Dayang Nurzafinawati binti Mohammad Hanafi yang mewakili Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

TEMBURONG, Khamis, 24 Disember. - Awang 'Abdul Majid bin Haji Shazli mewakili Masjid Kulapis dan Dayang Nurzafinawati binti Mohammad Hanafi mewakili Masjid Omar 'Ali Saifuddien, masing-masing dinobatkan sebagai johan Pertandingan Membaca Puisi Islam bagi Belia dan Beliawanis Masjid Senegara sempena Cuti Persekutuan bagi Tahun 1442 Hijrah / 2020 Masihi.

Sementara Awang Abdussyakur bin Haji Jahari dari Masjid Omar 'Ali Saifuddien; dan Dayang Munirah binti Madeli dari Masjid Utama Mohammad Salleh pula, masing-masing meraih naib johan.

Manakala Awang Muhammad Izzuddin bin Haji Nor Hisham dari Masjid Kampung Serasa; dan Najaa Ajilla binti Haji Md. Zin dari Masjid Piasau-Piasau pula memenangi di tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertandingan, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Majlis berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Seramai 11 belia dan beliawanis masjid senegara menyertai pertandingan berkenaan.

Antara tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat para peserta dalam menyampaikan puisi Islam, sekali gus menambah keyakinan mereka untuk berani dan petah bercakap di khalayak ramai.

Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan lagi tahap keimanan yang tinggi khususnya kepada para peserta dan menghayati Islam dalam kehidupan sehari-hari.

Acara ini dihasrat akan dapat memberikan kesedaran mengenai kehidupan beragama yang sejati dan mempunyai akhlak yang sihat juga mulia berlandaskan Islam.

Melalui acara ini, diharap dapat membentuk masyarakat Islam, khususnya para belia untuk mencintai masjid dan mempunyai personaliti Muslim yang berwibawa, berwawasan juga bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pertandingan ini adalah salah satu aktiviti tahunan yang diadakan oleh Bahagian Perpustakaan, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM).

Ia dikendalikan oleh JHEM dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Utama Mohammad Salleh dan Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong.



SESI perkongsian urusan haji bagi Musim Haji 1442 Hijrah bersama Tabung Haji Malaysia secara maya.

Wujudkan kakitangan berkebolehan tinggi, profesional



JERUDONG, Rabu, 23 Disember. - Program pembelajaran Syarikat Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG) dihasrat

dapat memberikan peluang kepada setiap individu untuk mengembangkan potensi maksimum mereka dan menjadi ahli kakitangan yang produktif juga siap memenuhi keperluan tenaga kerja di negara ini.

Antara peluang lain yang sedang diusahakan oleh Brunei LNG adalah memberikan operator-operator peluang untuk melanjutkan pengajian dengan memberikan latihan dalam perkhidmatan kepada para Juruteknik.

Sehubungan itu, Majlis Penandatanganan Operative Technician Progression Scheme (OTPS) bersama 11 Juruteknik Operasi dan para Graduan Tahun 2020, iaitu tiga graduan Brunei LNG, berlangsung di Dewan Indera Samudera, The Empire Brunei, di sini.

Menyaksikan penandatanganan bagi OTPS, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib, manakala bagi Brunei LNG, Pengurus Pengeluaran dan Pemangku Pengurusan Aset, Awang Mirza bin Md. Salleh.

Sementara penandatanganan bagi tiga graduan Brunei LNG disaksikan oleh Pengurus Kewangan, Pengiran Mas Norhazilin; Pengurus Teknikal, Awang Haji Mazrul Adini bersama Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang

Hajah Farida.

Hadir selaku tetamu kehormat juga menyaksikan penandatanganan tersebut, Setiausaha Tetap (Tenaga), Kementerian Tenaga, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya.

Tiga graduan berkenaan akan mengikuti Program Pembangunan Graduan selama tiga tahun, manakala 11 Juruteknik Operasi akan menjalani OTPS.

Kedua-dua program tersebut bertujuan untuk memberikan peluang yang sejajar melalui pembelajaran *on-the-job* sambil mewujudkan kakitangan yang berkebolehan tinggi dan profesional.

Terdahulu, Dayang Hajah Farida menyatakan bahawa Brunei LNG, tahun ini, memperkenalkan OTPS bagi para pemegang Sijil Higher National Diploma (HND), malahan majlis ini, turut menandakan satu lagi kejayaan dalam sejarah Brunei LNG yang julung kalinya menerima para pemegang Sijil HND, di mana seramai 11 Juruteknik Operasi diambil.

Jelasnya lagi, para Juruteknik Operasi akan menjalani tahap pembangunan berstruktur, di bawah Skim Pembangunan dan Jaminan Kompetensi Pengurusan Front-Line Barrier.

Bagi Brunei LNG, majlis itu, katanya, menandakan ikrar syarikat terhadap Wawasan Brunei 2035 yang bercita-cita untuk mengembangkan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara terkenal dengan pencapaian memiliki warganegara yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi melalui Matlamat-matlamat dan Strategi-strategi Wawasan Brunei 2035, antaranya adalah pendidikan.

Turut hadir, pihak Pengurusan Syarikat-syarikat Usahasama Brunei Shell (BSJV) dan Brunei Gas Carriers; Pengurus Am, Pejabat Perhubungan, Brunei Mitsubishi Corporation; dan wakil-wakil dari pihak Pengurusan Brunei LNG; Kementerian Tenaga; Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam; dan Darussalam Assets Sdn. Bhd.

COVID-19 : 251 sampel ujian dilaksanakan

Siaran Akbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa alhamdulillah, tidak ada kes baru dihasilkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 152 orang.

Melalui Siaran Akbar mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 231 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan

berkenaan dilaporkan. Menurut Kementerian Kesihatan lagi, jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 149 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 734 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,883 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 251 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 81,908 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini		Jumlah Keseluruhan Kes	
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	149

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19

Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (231 hari yang lalu)	11 Kes
---	--------

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
734	9,883

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
251 sampel	81,908

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Rasuh Mendarangkan Kesan Buruk'. Tarikh Tutup : 30 Disember 2020
- 'Kesan Negatif Kejadian Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 6 Januari 2020
- 'Langkah Memartabatkan Tulisan Jawi'. Tarikh Tutup : 13 Januari 2021

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Siaran Akbar dan Foto :
Pusat Promosi Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - HEAL Kelab Pusat Belia Temburong 'Maie Tah Kitani Besihat' 2020, yang disediakan oleh Pegawai Pemasaran, Justin Tan dari Program HEAL Pusat Promosi Kesihatan (WAH & HEAL Programme) (Happy Environment And Lifestyle - HEAL), merupakan sebuah Program Kolaborasi Perkongsian Awam Swasta (Public Private Partnership - PPP), Kementerian Kesihatan dan Gleneagles Jerudong Park Medical Center (JPMC) Sdn. Bhd. bagi Peringkat Kedua, Tahun 2020 / 2021.

Matlamat Program HEAL adalah untuk mempromosikan dan menganjurkan aktiviti kegiatan fizikal secara berstruktur juga teratur dalam kalangan masyarakat setempat melalui kerjasama dan rangkaian sosial kumpulan masyarakat tertentu.

Tujuan Program HEAL adalah untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kelebihan kegiatan fizikal, dari segi kesihatan juga mengurangkan gaya hidup sedentari. Duta Kegiatan Fizikal HEAL yang dicalonkan adalah dikehendaki untuk menganjurkan satu acara untuk program ini.

Acara 'Maie Tah Kitani Besihat' merupakan acara sukan riadah sempena Promosi Kesihatan dan Mengurangkan Risiko-risiko Penyakit-penyakit Yang Tidak Berjangkit (Noncommunicable Diseases - NCDs).

Ia adalah kesinambungan daripada acara yang pernah diadakan pada 30 November 2019 hingga 1 Disember 2019, iaitu 'Membangun Kesihatan Kitani 2019', bertempat di Kompleks Utama Bumiputra, Pekan Bangar,

'Maie Tah Kitani Besihat' platform sebar luaskan informasi kesihatan



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong (depan, tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Acara 'Maie Tah Kitani Besihat' di Kompleks Utama Bumiputra, Pekan Bangar, Daerah Temburong. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Penghulu Mukim Bokok (depan, lima dari kanan).

Daerah Temburong.

Ia juga merupakan satu platform untuk menyebarluaskan informasi terkini mengenai kesihatan mental dan fizikal individu juga masyarakat.

Acara ini dikendalikan oleh Kelab Pusat Belia Temburong / Belia Permata Hijau menerusi Program HEAL dengan kerjasama dari Pusat Promosi Kesihatan; Temburong Paddlers; Persatuan Bulan Sabit Merah Temburong; Temburong RC Boat; Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong; Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.; Pasukan Polis Diraja Brunei; Jabatan Daerah Temburong; dan Jabatan Belia dan Sukan.

Acara 'Maie Tah Kitani Besihat' tersebut dirasmikan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amirul Hadi bin Haji Karim.

Mohd. Tajudin, pada Ahad, 20 Disember 2020 lepas, seawal jam 7.30 pagi.

Turut hadir pada acara perasmian, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu selaku Penghulu Mukim Bokok; Pegawai Perubatan Kanan, Dr. Norhayati binti Haji Ahmad; Pegawai Pendidikan Kesihatan, Dayang Ummy Salmah binti Arrif; dan Pemangku Ketua Kampung Batu Apoi, Awang Norasmandi bin Haji Karim.

Acara diteruskan dengan Pelepasan Aktiviti Basikalton dan Sesi Pemanasan Badan, diketuai oleh Dayang Joana binti Labih yang turut ditaja oleh air mineral Suci dan Syarikat Tai Wang Advertising.

Selepas sesi pemanasan badan, tetamu kehormat mengetuai Acara Walkaton Sejauh 2 Kilometer,

bermula dari Kompleks Sukan Batu Apoi ke Kampung Peliuinan dan berpusing balik ke Kompleks Sukan Batu Apoi.

HEAL Kelab Pusat Belia Temburong 'Maie Tah Kitani Besihat' 2020 diakhiri dengan Lawatan tetamu kehormat ke kawasan pameran, jualan dan aktiviti-aktiviti yang diadakan di dalam Kompleks Sukan Batu Apoi, seterusnya Penyampaian Hadiah Cabutan Bertuah kepada para pengunjung dan peserta acara Promosi Kesihatan 'Maie Tah Kitani Besihat' tersebut.

Acara Walkaton disertai oleh hampir 40 peserta, manakala seramai 65 peserta menyertai Aktiviti Basikalton.

Lebih 100 pengunjung hadir ke 'Maie Tah Kitani Besihat' selama dua hari acara diadakan, di mana langkah-langkah pengawalan wabak COVID-19 tetap dipatuhi

semasa acara berlangsung.

Kementerian Kesihatan berhasrat program ini akan dapat meningkatkan dan memperluaskan pengetahuan juga kecekapan peserta mengenai cara hidup sihat juga mempromosi kegiatan fizikal untuk mengekalkan berat badan yang sihat dan menyumbang kepada pengurangan kadar NCDs di negara ini.

Di samping itu, merealisasikan Visi Kementerian Kesihatan, iaitu 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan matlamat kedua, Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'.

Untuk maklumat terkini mengenai Program HEAL yang akan datang, layari Facebook Program WAH & HEAL atau Instagram @wah_heal atau Telegram Channel bit.ly/WAHProgramme.

Bank Baiduri, RB meterai kerjasama



MENANDATANGANI bagi pihak Bank Baiduri ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Ti Eng Hui disaksikan oleh Ketua Sumber-Sumber Manusia dan Bahagian Pentadbiran Bank Baiduri, Veronica Chong, manakala menandatangani bagi pihak RB ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Saiful Bahrin bin Awang Bahar, disaksikan oleh Manager Performance and Engagement, Shaarill Teo.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Seramai 15 kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) akan diterapkan kepada peranan yang berkaitan dengan perkhidmatan pelanggan selama enam bulan di Bank Baiduri melalui sebuah Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh kedua-dua buah pihak hari ini.

Menandatangani bagi pihak Bank Baiduri ialah Ketua Pegawai Eksekutif, Ti Eng Hui disaksikan oleh Ketua Sumber-Sumber

Manusia dan Bahagian Pentadbiran Bank Baiduri, Veronica Chong, manakala menandatangani bagi pihak RB ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Saiful Bahrin bin Awang Bahar, disaksikan oleh Manager Performance and Engagement, Shaarill Teo.

Majlis penandatanganan tersebut berlangsung di Baiduri Community Space, Ibu Pejabat Bank Baiduri, Gadong.

Dalam ucapan alu-aluannya,

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri menyatakan rasa bangga menjadi bank pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menandatangani perjanjian penempatan dengan RB, dan yakin kedua-dua organisasi akan mendapat banyak manfaat daripada kolaborasi tersebut.

Dengan pengetahuan, latihan industri penerbangan antarabangsa dan perkhidmatan pelanggan mereka yang memenangi anugerah, katanya, akan menambah nilai luar biasa bagi usaha berterusan dalam meningkatkan pengalaman pelanggan.

Menyentuh mengenai kejayaan

Bank Baiduri dan RB, Kapten Saiful Bahrin berkata, keduanya adalah jenama NBD yang kuat dan berbangga dengan rekod prestasi dalam inovasi produk dan keunggulan perkhidmatan.

Melalui perkongsian penting ini, tambahnya, baik RB dan Bank Baiduri telah menetapkan komitmen untuk menceburkan diri dalam membangun dan memperluas jangkauan kakitangan mereka melalui program penempatan ini.

Sebagai salah satu jenama di NBD yang terkenal dengan perkhidmatan yang cemerlang, pihak RB sentiasa mendorong

pembelajaran dan latihan kakitangannya untuk membantu mereka mencapai standard perkembangan peribadi dan profesional yang lebih tinggi.

"Diharapkan melalui penempatan ini, ia akan meningkatkan kecekapan dan tahap kemahiran mereka sambil memperluas pengetahuan dalam industri baru," jelasnya.

Sehubungan itu, Hari Terbuka untuk pemilihan calon penempatan akan diadakan di Kampus RB di Jalan Kustin pada Januari 2021, manakala penempatan kakitangan RB ke bank berkenaan akan bermula pada 1 Februari 2021 hingga 1 Ogos 2021.



KETUA Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui semasa ucapannya.



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Saiful Bahrin bin Awang Bahar semasa ucapannya.

Elak nombor plat pendaftaran pudar

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

GADONG, Rabu, 23 Disember. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi suacita memohon kerjasama syarikat-syarikat yang diiktiraf bagi membuat, membekalkan dan memasang nombor plat pendaftaran kenderaan dengan abjad dan nombor bersaiz kecil yang mula dikuatkuasakan pada tahun 2011 untuk membekalkan nombor plat pendaftaran kenderaan yang memenuhi peraturan-peraturan dan spesifikasi yang dibenarkan.

Ke arah itu bagi mengelakkan nombor plat pendaftaran kenderaan tersebut pudar, syarikat-syarikat yang diiktiraf atau wakil syarikat masing-masing adalah diseru dan

dikehendaki untuk menggunakan bahan-bahan yang berkualiti tinggi dalam sama-sama memastikan warna putih pada abjad dan nombor akan dapat bertahan lama.

Seruan tersebut dibuat oleh Pemangku Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Mohd. Aizam bin Haji Abdul Hamid semasa mempergerusikan Sidang Media yang berlangsung di JPD, di sini.

Plat pendaftaran kenderaan pula hendaklah diperbuat daripada aluminium dengan permukaan tanda pengenal timbul keluar (*embossed*). Sementara itu, plat pendaftaran hendaklah berwarna hitam dan nombor tanda pengenal berwarna putih dengan ukuran yang

ditetulkan.

Dalam hubungan ini, JPD suacita memohon kerjasama syarikat-syarikat untuk membekalkan bahan yang berkualiti tinggi bagi memastikan nombor plat pendaftaran kenderaan dapat bertahan lama.

Setakat ini, JPD mengiktiraf sebanyak enam buah syarikat bagi membuat, membekalkan dan memasang plat bilangan pendaftaran kenderaan bersaiz kecil tersebut.

Syarikat-syarikat yang dimaksudkan ialah BKB Sdn. Bhd. (BKB), Hock Motor Company (HMC), Syarikat Shalim (B) Sdn. Bhd. (SSB), Bayu Ilham Motors Sdn. Bhd. (BIM), CKM Transportation Services (CKM) dan New Zen View Company (ZEN).

Sementara itu, beberapa syarikat juga dilantik sebagai wakil syarikat seperti berikut iaitu Wakil New Zen View Company ialah Tat Lee Company, Hock Siong Hin dan Ban Lee Hua Co. Sdn. Bhd.

Manakala wakil syarikat BKB Sdn. Bhd. ialah MNP Enterprise, Kah Huat & Brothers Workshop, Roshjaya Motor Sdn. Bhd., Systemair Enterprise dan Seng Hoe Huat.

Dalam hal ini, orang ramai adalah disarankan untuk membuat tempahan nombor plat pendaftaran kenderaan dengan syarikat-syarikat seperti yang disebutkan tersebut dan seterusnya dipohonkan akan dapat menggantikan nombor plat pendaftaran kenderaan masing-masing yang telah pudar.

Penggantian nombor plat pendaftaran adalah percuma bagi yang masih di dalam tempoh jaminan atau *warranty*. Sebagai satu usaha dalam melaksanakan tanggungjawab sosial, beberapa syarikat tersebut yang dinyatakan turut sama menawarkan potongan harga kepada orang ramai bagi menggantikan nombor plat pendaftaran kenderaan yang pudar dan telah dibekalkan oleh syarikat

yang berkenaan bagi tempoh selama tiga bulan mulai 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Syarikat yang memberikan potongan tersebut ialah Bayu Ilham Motors Sdn. Bhd. menawarkan potongan harga sebanyak 20 peratus, Seng Hoe Huat sebanyak 20 peratus, New Zen View Co. sebanyak 20 peratus, Hock Siong Hin sebanyak 20 peratus, Ban Lee Hua Co. Sdn. Bhd. sebanyak 33 peratus dan CKM Transportations sebanyak 50 peratus.


Sementara itu, Hock Motor Sdn. Bhd. menawarkan harga BND15 bagi menggantikan nombor plat pendaftaran kenderaan yang pudar, sama ada yang telah dibekalkan oleh syarikat tersebut atau yang telah dibekalkan oleh syarikat yang lain. Usaha-usaha sedemikian merupakan sebagai usaha berterusan pihak kerajaan dan syarikat-syarikat untuk membantu orang ramai.

Dalam pada itu, JPD turut memaklumkan semasa Sidang Media tersebut bagi menubuhkan satu kumpulan tindakan bagi membuat kajian mengenai nombor plat pendaftaran kenderaan yang ditetapkan.



PEMANGKU Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Mohd. Aizam bin Haji Abdul Hamid semasa mempergerusikan Sidang Media yang berlangsung di JPD.

akan menjalankan ujian-ujian teknikal bagi memastikan nombor plat pendaftaran kenderaan adalah berkualiti dan memenuhi spesifikasi. JPD juga menegaskan akan mengambil tindakan membatalkan atau menggantung operasi syarikat jika didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan pembekalan, pembuatan dan pemasangan nombor plat pendaftaran kenderaan yang ditetapkan.



Ukuran dimensi plat kendaraan.

Pembayaran pencen secara pandu lalu

Siaran Akbar :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa tarikh pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan secara pandu lalu bagi bulan Disember 2020 adalah pada Isnin, 28 Disember 2020 bermula pada jam 7.30 pagi hingga 3.30 petang di tempat-tempat berikut kecuali Daerah Belait dan Temburong iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara, pembayaran akan dibuat di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa dan bagi Daerah Tutong pula, pembayaran akan dibuat di Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

Manakala bagi Daerah Belait dan Temburong, pembayaran

akan dibuat di kaunter, Pejabat Jabatan Perpendaharaan.

Pembayaran pencen pada hari-hari berikutnya akan dibuat di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Daerah Brunei dan Muara serta di cawangan-cawangan Jabatan Perpendaharaan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong selama 10 hari waktu bekerja pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sekali lagi ingin menyarankan agar para penerima yang mempunyai akaun bank tetapi belum mendaftarkannya ke Jabatan Perpendaharaan untuk membawa bersama salinan kad akaun bank

berkenaan untuk proses pembayaran pencen bagi bulan berikutnya.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang akan membantu dalam menyusun barisan kenderaan serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk tidak datang secara berkumpulan, keluar dari kereta dan berkumpul di kawasan pembayaran menunggu giliran masing-masing dan seterusnya untuk bersurai setelah urusan selesai.

Jika ada sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi talian-talian yang disediakan iaitu +673 2380822 / +673 2383469.



SEBAHAGIAN daripada nombor plat kendaraan yang pudar dan memerlukan perhatian bagi penggantian.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

China Day promosi pertukaran persahabatan dua negara



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (tengah) semasa Sidang Media berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - China Day buat julung-julung kalinya diadakan di negara ini, yang merupakan budaya Cina dalam

menyokong Festival Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) 2020 dan sebagai salah satu acara Tahun Pelancongan Negara Brunei Darussalam - Republik

Rakyat China Tahun 2020.

China Day akan dilancarkan pada 26 Disember 2020 dan dibuka kepada orang awam mulai jam 12.00 tengah hari hingga

9.00 malam di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Perkara tersebut antara yang dikongsikan oleh Kaunselor Wang Haitao dari Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Sidang Media yang berlangsung di Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan, di sini.

China Day itu dihoskan oleh Kedutaan Republik Rakyat China ke NBD dengan sokongan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dianjurkan oleh Brunei China Friendship Association.

Pelbagai acara kebudayaan akan dipersembahkan termasuk persembahan seni bela diri, tarian dan lagu tradisi Cina, di samping interaksi dan pengalaman budaya Cina seperti Tea Ceremony turut diadakan.

Selain itu, Catur Cina, Kaligrafi Cina dan ping pong juga diadakan sepanjang China Day.

Menurut beliau, China Day dihosrat akan memberi peluang kepada masyarakat di negara ini untuk merasai budaya Cina secara

lebih dekat dan untuk mempromosikan pertukaran persahabatan antara kedua negara, walaupun wabak COVID-19 yang membuat orang tidak dapat pergi ke luar negara. Kami juga mengalu-alukan rakyat negara ini untuk baylor ke Cina apabila keadaan mengizinkan setelah wabak ini berlalu.

Selain itu katanya, pertukaran antara satu sama lain dan komunikasi yang mesra antara rakyat adalah asas kerjasama dua hala, di mana China bersedia untuk mempromosikan bersama dengan Brunei.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), KSSUP, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali pula menjelaskan, pada China Day itu akan diadakan demonstrasi Tai Chi beramai-ramai yang akan melibatkan 2,000 peserta, iaitu pada 27 Disember ini di beberapa tempat seluruh negara sebagai memenuhi peraturan dari Kementerian Kesihatan.

Masyarakat yang ingin turut serta adalah dialu-alukan, di mana pergerakan Tai Chi ini akan dilakukan serentak dan akan dimasukkan ke dalam 'Brunei Book of Records', tambahnya.

Peperiksaan dalam talian : 23 Disember 2020 hingga pertengahan Januari 2021



KEMENTERIAN Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Pengajian Islam dan pihak Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Kaherah dengan kerjasama Majlis Tertinggi Universiti Al-Azhar mengadakan peperiksaan dalam talian bagi 208 mahasiswa NBD yang menuntut di Universiti Al-Azhar dan Ma'had Qiraat Al-Shoubra yang ketika ini sedang berada di NBD.

KATOK, Khamis, 24 Disember. - Dalam memastikan kebaikan dan kesinambungan pengajian para mahasiswa Negara Brunei Darussalam (NBD) yang menuntut di Institusi-institusi Pengajian Tinggi di Republik Arab Mesir semasa penularan Pandemik COVID-19, khususnya di republik berkenaan.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Pengajian Islam dan pihak Kedutaan Besar NBD di Kaherah dengan kerjasama Majlis Tertinggi Universiti Al-Azhar mengadakan peperiksaan dalam talian bagi 208 mahasiswa NBD yang menuntut di Universiti Al-Azhar; dan Ma'had Qiraat Al-Shoubra, yang ketika ini sedang berada di NBD.

Peperiksaan dalam talian yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi Al-Azhar untuk diadakan secara

berperingkat dan akan melibatkan para mahasiswa berikut :

(i) 18 mahasiswa Tahun 4 (tahun akhir pengajian) - semua mata pelajaran Semester II;

(ii) 166 mahasiswa Tahun 1, 2 dan 3 - mata pelajaran Al-Quran (lisan dan bertulis); dan


(iii) 24 mahasiswa Ma'had Qiraat Shoubra - semua mata pelajaran (lisan dan bertulis).

Peperiksaan bagi peringkat awal bermula pada 23 Disember 2020 bagi para mahasiswa Tahun 4, seterusnya akan diikuti dengan para mahasiswa dalam tahun-tahun pengajian lain, hingga pertengahan Januari 2021, mulai jam 3.00 petang hingga 5.00

petang, waktu NBD.

Peperiksaan yang dijalankan secara berpusat, bertempat di Bilik Makmal Komputer Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS), Kampung Katok, NBD.

Kerjasama yang diungkayahkan ini merupakan antara inisiatif signifikan dan bersejarah yang menyerlahkan lagi hubungan kukuh juga istimewa yang terjalin di antara KHEU, NBD bersama Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir, khususnya dalam hal ehwal kebaikan para mahasiswa NBD, di universiti tersebut.



PENUTUPAN sementara sebahagian Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, berdekatan lampu isyarat dan Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan bermula Isnin, 28 Disember 2020.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai penutupan sementara sebahagian Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SAOS), berdekatan lampu isyarat dan Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan, bermula Isnin, 28 Disember 2020.

Penutupan sebahagian jalan berkenaan adalah bagi membolehkan Kerja-kerja Pembaikan Jalan Raya di kawasan berkenaan dapat dilaksanakan.

Kerja-kerja pembaikan akan dilaksanakan bermula jam 9.00 pagi dan jalan raya berkenaan akan dibuka semula sebaik sahaja kerja-kerja pembaikan selesai dilaksanakan.

Sehubungan itu, pihak JKR ingin mengingatkan kepada para pengguna jalan raya untuk sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda lalu lintas dan had laju yang dibenarkan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini.

Bagi sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak JKR melalui Talian Darussalam : 123 atau Livechat +673 8333123 atau Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam atau e-mel ke pro@pwd.gov.bn.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Ketahui kegiatan ekonomi MPK Sungai Bunga

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 25 Disember. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga melalui melalui Perkhidmatan Pelancongan Seri Tanjung MPK Sungai Bunga menyahut aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) untuk menyediakan pakej-pakej yang menarik bagi memenuhi cita rasa atau suatu kelainan sebagai alternatif bagi keluarga atau rombongan yang suka mengembawa atau melancong keluar negara.

Inisiatif ini dibuat ekoran daripada penularan pandemik



KETIBAAN rombongan di pusat berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh (atas sekali). Manakala gambar atas, rombongan berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi pemprosesan dan pembuatan makanan.

COVID-19 yang melanda seluruh dunia dan sekali gus memberikan peluang untuk mempromosikan pelancongan - pelancongan tempatan selari dengan hasrat kerajaan bagi menggalakkan warga tempatan melancong di tempat-tempat menarik dalam negara sendiri dengan slogan Kenali Negara Kitani (KNK).

Perkhidmatan pelancongan yang disediakan oleh MPK Sungai Bunga bukan sahaja berkaitan dengan tunjuk cara pemprosesan produk Satu Kampung Satu Produk (1K1P), seni budaya dan gaya hidup malah bersedia mengongsikan pengalaman kepada mana-mana badan dan institusi.

Di samping itu, pakej-pakej lawatan yang disediakan juga meliputi semua lapisan umur termasuk warga emas yang memerlukan aktiviti-aktiviti yang boleh memenuhi tuntutan insanlah.

Sehubungan itu, pagi tadi MPK Sungai Bunga menerima rombongan seramai 45 orang dari Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Daerah Tutong bagi Program Lawatan Ke Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, MPK Sungai Bunga, di sini yang diketuai oleh Dayang Roziwita binti Haji Mohd. Taib.

Ketibaan rombongan di pusat berkenaan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Kampung Sungai Bunga, Awang Zaini bin Haji Salleh berserta Ahli Jawatankuasa MPK Sungai Bunga.

Pada lawatan tersebut, rombongan berpeluang menyaksikan sendiri demonstrasi pemprosesan dan pembuatan Keropok Udang, Kuih Sapit, Putu Mayam dan Ambuyat serta dialu-alukan untuk ikut serta memproses.

Program Lawatan Singkat (*daytrip*) dengan tema 'Berdudun Ke Kampung Sungai Bunga' itu antaranya bertujuan bagi mengeratkan hubungan silaturahim dan suai kenal dalam kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa MPK Sungai Bunga selain menimba ilmu dan pengalaman bagaimana mengerakkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh MPK Sungai Bunga khususnya untuk

mewujudkan dan memajukan projek atau produk di kampung-kampung.

Dalam masa yang sama, ia juga bagi menyokong aspirasi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melancang dalam negara sendiri dengan slogan yang dikenali sebagai KNK.

Sinar Islam terus berkembang

Dari muka 7

Majlis Pengislaman tersebut didahului dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah diikuti dengan tazkirah dan kemudiannya diteruskan dengan acara pengislaman.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan cenderahati kepada kedua-dua saudara baharu berkenan ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Catatan keramaian masuk Islam seluruh negara bermula dari bulan Januari hingga Disember 2019 ialah seramai 349 orang di mana jumlah tersebut telah meningkat pada tahun 2020 iaitu seramai 404 orang (kiraan sehingga 14 Disember 2020).



MAJLIS Pengislaman bagi Dolores Marcos Mercado yang kini dikenali dengan nama Islamnya sebagai Keysha binti Abdullah.

1,321 calon PSR memperoleh 5 Gred A

Total Candidates who obtained 5A, 4A + 1B and 4A + 1C				
Year	2020	2019	2018	Comparison 2019 & 2020
Candidates who obtained 5A	1321	891	1007	6.17%
Candidates who obtained 4A + 1B	736	648	766	0.79%
Candidates who obtained 4A + 1C	77	68	119	0.08%

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan hari ini mengeluarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) 2020 dengan rumusan seperti berikut.

Daripada 6,091 calon yang menduduki peperiksaan tersebut, seramai 5,297 calon atau 86.96 peratus memperoleh Gred A-D bagi kelima-lima mata pelajaran berbanding 5,056 calon daripada 5,741 atau 88.07 peratus bagi pencapaian 2019.

Sementara itu, seramai 4,495 calon atau 73.80 peratus

memperoleh Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran berbanding 4,256 calon daripada 5,741 atau 74.13 peratus bagi pencapaian 2019.

Sebanyak 15 buah sekolah mencapai keputusan 100 peratus Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk 15 sekolah kerajaan.

Pencapaian calon yang memperoleh Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran dalam kalangan calon-calon sekolah kerajaan mencapai 68.44 peratus dengan keramai 2,912 calon daripada 4,255 calon.

Sebanyak 24 buah sekolah kerajaan mencapai 80.00 peratus dan ke atas pada Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran.

Sebanyak 29 sekolah mencapai keputusan 100 peratus lulus Gred A-D bagi kelima-lima mata pelajaran termasuk 15 sekolah kerajaan.

Pencapaian calon yang memperoleh Gred A-C bagi kelima-lima mata pelajaran dalam kalangan calon-calon sekolah kerajaan mencapai 68.44 peratus dengan keramai 2,912 calon daripada 4,255 calon.

Seramai 1,321 calon atau 21.69 peratus memperoleh keputusan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan

yang cemerlang dengan mendapat Gred A dalam lima mata pelajaran berbanding 891 calon atau 15.52 peratus bagi pencapaian 2019, iaitu naik sebanyak 6.17 peratus.

Dari jumlah tersebut, seramai 668 calon adalah terdiri dari calon-calon sekolah kerajaan.

Secara keseluruhan, seramai 1,161 calon daripada 1,321 calon yang mendapat lima Gred A adalah terdiri dari rakyat Brunei.

Seramai 736 orang calon daripada sekolah kerajaan berjaya memperoleh empat Gred A dan satu Gred B.

Pencapaian calon dalam empat mata pelajaran mencapai 90 peratus ke atas dalam Gred A-D, iaitu Melayu Islam Beraja (99.10 peratus), Bahasa Melayu (98.71 peratus), English Language (97.96 peratus) dan Sains (95.52 peratus), manakala bagi mata pelajaran Matematik mencapai 87.80 peratus.

Manakala tiga mata pelajaran mencapai 90 peratus ke atas dalam Gred A-C bagi mata pelajaran Melayu Islam Beraja adalah sebanyak 98.24 peratus, Bahasa Melayu 97.23 peratus, English Language 92.96 peratus, sementara bagi mata pelajaran

Sains mencapai 89.85 peratus dan Matematik sebanyak 76.11 peratus. Mata pelajaran Bahasa Melayu dan English masing-masing meningkat sebanyak 3.20 peratus dan 3.52 peratus berbanding pencapaian tahun 2019.

Dari segi kualiti pencapaian calon yang memperoleh di tahap Gred A bagi setiap mata pelajaran, secara keseluruhan dalam mata pelajaran Melayu Islam Beraja 82.17 peratus, Bahasa Melayu 73.26 peratus, English Language 38.66 peratus, Matematik 33.52 peratus dan Sains 47.50 peratus.

Mata pelajaran-mata pelajaran yang meningkat berbanding pada tahun 2019 ialah Bahasa Melayu meningkat sebanyak 26.35 peratus, English Language sebanyak 8.33 peratus, Melayu Islam Beraja 7.79 peratus dan Matematik 3.58 peratus.

Dimaklumkan kepada murid-murid yang menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing dan bagi calon-calon persendirian bolehlah mendapatkannya di Jabatan Peperiksaan pada waktu pejabat dibuka.

Pembentangan kertas perdana Webinar Antarabangsa Syariah 2020



RA'ES KUPU SB semasa membentangkan kertas perdana pada Webinar Antarabangsa Syariah 2020 berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Beberapa kesan daripada pandemik COVID-19 yang mengambil tempat khususnya di Negara Brunei Darussalam pada permulaan pengawalan dan penjarakan sosial termasuk penutupan masjid dan surau di seluruh negara, sembahyang tarawih dan hari raya dilaksanakan di rumah-rumah, haji dan umrah ditangguhkan, akad nikah dihadkan dan sebagainya.

Namun dengan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana negara diberikan perlindungan dan keberkatan dengan keadaan yang semakin membaik, membolehkan negara untuk meneruskan kehidupan secara normal dengan beberapa SOP yang ditetapkan.

Berikut antara yang dinyatakan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar dalam pembentangan kertas perdana semasa merasmikan Webinar Antarabangsa Syariah 2020 anjuran Fakulti Syariah, KUPU SB sempena dengan Sambutan Majlis

Konvokesyen Ke-10 KUPU SB berlangsung hari ini bertempat di Dewan Ta'lim, KUPU SB, di sini.

Dr. Haji Adanan dalam kertas perdana bertajuk 'Pengamalan Sunnah Dalam Menjalani Norma Baharu Pasca Pandemik COVID-19' juga menyatakan, segala musibah yang terjadi telah ditentukan oleh Allah seperti yang difirmankan dalam Surah Al-Habib, ayat 22.

Jelasnya, ia perlu dipegang oleh seluruh umat Islam kerana setiap perkara yang berlaku sama ada baik maupun buruk adalah atas perbuatan hambanya sendiri seperti yang diterangkan dalam Surah Asy-Syura, ayat 30.

Ini tegasnya, termasuk pandemik COVID-19 yang terjadi atas perintah dan izin Allah dan Dia yang berkuasa meneruskan atau menghilangkan pandemik tersebut.

Vaksin langit katanya, sepetimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam boleh diertikan sebagai pendekatan sunnah.

Terdahulu, Dekan Fakulti Syariah KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar selaku Pengurus Webinar berkenaan dalam ucapan alu-aluan menjelaskan bahawa objektif utama penganjuran Webinar tersebut adalah bagi menjunjung tinggi tatah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Ilmu Tahun 1442H bersamaan 2020M dengan tema 'Mensyukuri Ni'mat Kesihatan Sebagai Anugerah Allah', di mana baginda menyampaikan selain daripada mensyukuri limpah kurnia Allah yang telah menyelamatkan kita dan negara dari wabak yang sedang menular, tema tersebut adalah sangat

relevan untuk dibincangkan oleh para ilmuan yang terdiri daripada para ulama, pakar perubatan dan kesihatan serta juga ahli akademik.

Webinar yang diungkayahkan juga merupakan usaha KUPU SB yang berterusan dalam memainkan peranannya ke arah mempertahankan dan menyebarkan ajaran Islam melalui pendidikan perguruan agama kepada umat Islam di negara ini khususnya serta sebagai platform KUPU SB dalam menyebarkan ilmu pengetahuan serta maklumat ke arah pemahaman sudut pandang Islam yang sebenar dalam menghadapi situasi pandemik melalui perbincangan ilmiah dalam kalangan ahli akademik dari dalam dan luar negara.

Webinar yang juga ditayangkan secara langsung menggunakan aplikasi Zoom tersebut membawa tema 'Metodologi Hukum Islam Dalam Menjalani Norma Baharu Pasca Pandemik COVID-19'.

Sebanyak 10 kertas yang dibentangkan termasuk satu kertas perdana, dua kertas utama dan tujuh kertas kerja yang dibentangkan oleh para ilmuan daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar, Indonesia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Webinar tersebut merupakan satu wadah perbincangan ilmiah antara cendekiawan dan pemikiran Islam mengenai isu-isu yang dikenal pasti berkaitan dengan amalan beragama dalam norma baharu pasca pandemik COVID-19 dan seterusnya memberi peluang untuk membentangkan pendekatan-pendekatan metodologi hukum Islam dalam suasana pandemik ini.

Di akhir Webinar ini, adalah diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada orang awam

dan pengetahuan tentang metodologi hukum Islam dan kaitan dengan Maqasid Syariah serta kepentingannya dalam menjelaskan lagi tujuan dan hikmah pensyiaran sesuatu hukum sama ada secara keseluruhannya atau sebahagian.

Beberapa kertas kerja yang dibentangkan pada sesi Webinar termasuk kertas kerja bertajuk 'Kawalan Penularan Wabak COVID-19 Menurut Perspektif Siasah Syari'yyah Dalam Konteks Malaysia' membincangkan mengenai usaha kerajaan Malaysia yang pelbagai dalam menyekat penyebaran wabak tersebut.

Sementara Penolong Kanan Profesor, Fakulti Syariah KUPU SB, Dr. Rauf Amin dengan pembentangan bertajuk 'Ijtihad Ulama Mendasari Norma Baharu Mematuhi Syariat Islam'

menjelaskan bahawa norma

baharu ada tema yang cukup popular digunakan oleh masyarakat dunia dalam menghadapi serangan COVID-19.

Para ulama dunia turut memain peranan dalam memberi pelbagai respons terutamanya dalam mengeluarkan fatwa-fatwa keagamaan, di mana terkadang melahirkan respons yang berbeza dari umat Islam.

Pensyarah Pusat Pengajian



PEMBENTANGAN Kertas Utama I dari Yang Berbahagia Associate Professor Dr. H. Muammar Bakry.

TAP beri perkhidmatan efisien, efektif kepada majikan



PARA majikan yang baru berdaftar semasa menghadiri jerayawara tersebut yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) melalui Unit Penguatkuasaan TAP meneruskan lagi jerayawara kepada majikan-majikan yang baru berdaftar.

Jerayawara kepada majikan ini merupakan salah satu inisiatif *reaching out* dalam mempermudahkan lagi hal ehwal

pengurusan pendaftaran dan pembayaran pekerja-pekerja mereka yang memenuhi persyaratan Skim TAP dan Skim Caruman Pekerja (SCP).

Seramai 175 majikan menghadiri jerayawara selama dua hari ini. Jerayawara tersebut berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi,

Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan.

Jerayawara menerangkan mengenai tanggungjawab majikan dalam mendaftar dan membayar caruman pekerja-pekerja yang layak, di bawah Skim TAP dan SCP.

Pekerja yang terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang mencukupi syarat adalah wajib didaftarkan dan dicarumkan ke dalam Skim TAP dan SCP. Ini termasuklah pekerja sementara, pekerja berkontrak, pekerja bergaji hari dan pekerja di dalam tempoh percubaan.

Bagi majikan yang didapati gagal membayar caruman pada waktu yang ditetapkan dan jika disabit kesalahan, di bawah Bab 26, Akta Amanah Pekerja dan Bab 29 Perintah Amanah Pencen Caruman Tambahan 2009, majikan boleh didenda tidak kurang BND3,000 bagi kesalahan pertama; dan tidak lebih BND10,000 bagi kesalahan kedua dan seterusnya.

Jerayawara diteruskan dengan Sesi Taklimat mengenai Tatacara Penggunaan Perkhidmatan Dalam

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

Talian TAP e-Amanah.

Setiap majikan baharu yang berdaftar di Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) juga akan didaftarkan secara automatik ke sistem dalam talian TAP, e-Amanah.

Semasa jerayawara tersebut, majikan turut diberikan tunjuk ajar Tatacara Menggunakan Sistem e-Amanah, seperti mendaftar masuk (*login*), membuat pendaftaran pekerja yang memenuhi persyaratan, mengemas kini maklumat pekerja dan syarikat, membuat pembayaran caruman Skim TAP dan SCP juga menyemak status pembayaran caruman bulanan pekerja.

Perkhidmatan ini memberikan kemudahan kepada para majikan untuk beruruskan melalui dalam talian tanpa perlu mengunjungi mana-mana Kaunter TAP.

Penggunaan secara penuh perkhidmatan dalam talian ini adalah selaras dengan usaha TAP

dalam memberikan perkhidmatan yang efisien, efektif dan mudah kepada majikan.

Selain daripada Sesi Taklimat yang diadakan setiap bulan ini, TAP menerusi Unit Komunikasi juga aktif dalam membarigakan maklumat mengenai dengan skim-skim dan perkhidmatan yang ada, di bawah TAP menerusi pelbagai medium.

Selain itu, TAP juga turut aktif berkolaborasi bersama agensi-agensi yang berkenaan menerusi siri jerayawara yang diadakan di seluruh negara.

Majikan-majikan yang ingin mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai dengan jerayawara tersebut atau ingin mengadakan taklimat bagi pekerja-pekerja mereka atau mempunyai sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2382800 atau +673 2382929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel ke ask@tap.com.bn.

Saranan keselamatan JBP terhadap cuaca tidak menentu

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD) memasuki Monsun Timur Laut pada awal bulan Disember 2020 dan dijangka akan berterusan sehingga hujung bulan Mac 2021.

Pada dua bulan pertama Monsun Timur Laut (bulan Disember dan Januari), yang juga dikenali sebagai musim tengkujuh, lazimnya mempunyai jumlah turunan hujan yang tertinggi berbanding dengan bulan-bulan lain.

Semasa tempoh ini, keadaan cuaca tidak menentu dengan hujan lebat atau hujan berpetir sekali-sekala berlaku terutama pada waktu malam dan awal pagi.

Semasa musim tengkujuh adalah penting untuk orang ramai mengambil perhatian bahawa risiko kejadian banjir atau banjir kilat di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir dan risiko kejadian tanah susur akan meningkat terutama apabila

berlakunya hujan lebat melebihi tempoh dua jam.

Risiko kejadian banjir yang lebih teruk boleh berlaku apabila hujan berintensiti lebat bertembung dengan kejadian air pasang.

Oleh yang demikian, orang ramai, khususnya para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihat supaya peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan mengambil langkah-langkah awal atau perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua, dan bagi mengelakkan kejadian yang tidak ingini berlaku.

Sehubungan itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) mengingatkan kepada orang ramai semasa keadaan hujan berterusan dan lebat, adalah penting mengambil perhatian akan risiko banjir atau banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir.

Risiko tanah susur juga akan meningkat terutama berlakunya hujan lebat berpanjangan melebihi dua jam. Risiko kejadian banjir yang lebih teruk boleh berlaku apabila hujan berintensiti lebat bertembung dengan kejadian air pasang.

Kedahan laut bergelora dan angin kencang adalah berbahaya terutamanya kepada bot-bot kecil dan semua aktiviti rekreasi dan sukan laut.


Apa yang perlu diketahui mengenai keadaan cuaca masa ke semasa khususnya mengenai aspek-aspek keselamatan diri serta keluarga iaitu sewaktu beriadah (*hiking*) mendaki bukit. Antaranya, jangan masuk atau meredah terlalu jauh dalam kawasan bukit di luar kemampuan awda dan jika tidak biasa dengan laluannya.

Seterusnya, jangan masuk ke dalam kawasan bukit jika keadaan sekeliling atau cuaca sudah mulai gelap atau dalam keadaan hujan. Jangan berpergian secara berseorangan dan maklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan di mana tempat awda akan beriadah.

Akhir sekali, untuk keselamatan adalah disarankan untuk membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air yang mungkin akan diperlukan jika berlaku kecemasan.

Kemudian, JBP juga mengingatkan khususnya semasa melakukan aktiviti di pantai atau di perairan iaitu jangan berenang terlalu jauh dari pantai di luar kemampuan awda.

Dalam masa yang sama, awasi anak-anak awda jika mereka bermain atau berenang di pantai. Kemudian, pastikan awda memakai jaket keselamatan jika



3 warga asing ditahan

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), baru-baru ini,

berhasil menahan tiga warganegara asing semasa melakukan Operasi Pumpung JIPK 165/2020 dan Operasi



DUA lelaki warganegara asing ditahan dipercayai melakukan kesalahan bekerja sebagai penternak ikan, di mana ia melanggar peruntukan Peraturan 15 (2), iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Pumpung JIPK 166 / 2020, di dua tempat berasingan.

Semasa Operasi Pumpung JIPK 165 / 2020, yang dijalankan pada 22 Disember 2020, jam 9.20 pagi, di sebuah gerai nasi katok, kawasan Kampung Kasat, Mukim Lumpsu menahan seorang lelaki, warganegara asing, dipercayai melakukan kesalahan dengan menjual nasi katok, di mana ia melanggar peruntukan Peraturan 15 (3), iaitu bekerja tidak mengikut apa yang tercatat di dalam Pas Kerja yang dibenarkan.

Manakala dalam satu lagi Operasi Pumpung JIPK 166 / 2020, yang dijalankan pada 23 Disember 2020, jam 1.30 petang, di sebuah Sangkar Ikan, di perairan Brunei, Mukim Muara, JIPK menahan dua lelaki, warganegara asing, dipercayai melakukan kesalahan bekerja sebagai Penternak Ikan, di mana ia melanggar peruntukan Peraturan 15 (2), iaitu tidak bekerja dengan majikan asal.

Ketiga-tiga mereka ini dibawa ke Bahagian Penguatuwa Undang-Undang, JIPK, BSB untuk disiasat, di bawah Akta dan Peraturan Imigresen Penggal 17.

Sehubungan itu, JIPK turut


mengingatkan kepada orang ramai akan sentiasa memastikan tempoh Pas Imigresen Pekerja masih sah kerana adalah menjadi kesalahan sekiranya pekerja tersebut bekerja sedangkan pas imigresen telah mansuh.

Para majikan seterusnya dinasihatkan supaya sentiasa mengetahui keberadaan pekerja setiap masa. JIPK juga memberikan amaran kepada mana-mana warganegara asing yang melakukan kesalahan dan jika sabit kesalahan mereka akan diusir dari negara ini, di mana nama-nama mereka akan disenarai hitamkan.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut, JIPK mengalu-alukan orang ramai untuk sama-sama memberikan maklumat berhubung pesalah imigresen.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya dengan menghubungi Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 atau +673 8753888.

Mencari dan Menyelamat Orang Lemas



awda bermain jet ski atau papan luncur dan lainnya.

Jika mendapat ada orang lemas dan minta pertolongan, pastikan awda pandai berenang dan memakai jaket keselamatan sebelum menyelamatkannya.

Apa yang penting, awda perlu sentiasa mengetahui keadaan air dan 'Rip Currents'. Jika awda masuk ke dalam arus deras / 'Rip Currents' jangan panik terapungkan badan awda untuk keluar daripada arus tersebut dan berenanglah ke sisi kiri atau kanan keluar dari lingkungan arus dan berenanglah ke daratan.

Kepada pengusaha-pengusaha perahu tambang, nelayan dan sebagainya hendaklah memakai jaket keselamatan termasuk penumpang dan memasang lampu semasa waktu malam atau ketika keadaan cuaca gelap.

Manakala, bagi situasi banjir pula, pihak JBP ingin mengingatkan bahawa banjir sering kali terjadi di kawasan rendah dan kawasan yang berdekatan dengan sungai.

Oleh itu orang ramai adalah disarankan agar sentiasa memantau keadaan paras air di luar

kawasan rumah. Kemudian, sentiasa bersedia menghadapi situasi banjir terutama sekali kawasan rendah dan mudah banjir.

Akhir sekali, selamatkan harta benda ke tempat yang lebih tinggi termasuk nyawa dan dokumen-dokumen penting.

JBP bersiaga siaga 24 jam dan sentiasa membuat rondaan dan pemantauan di darat mahupun di perairan bagi mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku terutama sekali di kawasan-kawasan rendah serta kawasan yang dikenal pasti berisiko tinggi.

Walau bagaimanapun kefahaman serta bantuan orang ramai dalam sama-sama bertindak meningkatkan keselamatan peringkat awal adalah merupakan tindakan yang terbaik sebelum bantuan tiba.

Jika berlakunya sebarang kecemasan orang ramai dikehendaki untuk menghubungi terus Talian Kecemasan 995, JBP dan memberikan maklumat yang tepat.



Operasi Bersepadu Sanggah : Beberapa kesalahan didapati



OPERASI Bersepadu Sanggah 256/2020 yang dijalankan di dua buah lokasi dipercayai menjalankan kegiatan Bengkel Pembuatan Perahu, di Kampung Jerudong.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang (LED), Jabatan Buruh dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM); Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe); Kementerian Kesihatan; dan Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (MPABD) mengadakan Operasi Bersepadu Sanggah 256/2020.

Operasi dilaksanakan pada Selasa, 22 Disember 2020, bertempat di dua buah lokasi, yang dipercayai menjalankan kegiatan Bengkel Pembuatan Perahu, di Kampung Jerudong.

Operasi bermula kira-kira jam 9.45 pagi, melibatkan seramai 25 anggota pegawai penguatkuasaan.

Tujuan dan objektif Operasi Bersepadu Sanggah berkenaan, untuk sama-sama meningkatkan kerjasama di antara agensi-agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasaan undang-undang dan peraturan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Hasil operasi bersepadu tersebut, Jabatan Buruh mendapati majikan dipercayai gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan; majikan gagal menyediakan kontrak perkhidmatan bekerja secara bertulis; dan menggaji pekerja asing jaminan syarikat

lain.

Jika sabit kesalahan, Jabatan Buruh akan mengambil tindakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama; dan BND900 bagi kesalahan kedua, mengikut kesalahan-kesalahan, di bawah Bab 86, Bab 10 dan Bab 112, Perintah Pekerjaan 2009.

Manakala dalam menguatkuasaan Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil Penggal 30, Bab 12 Pindaan 2006, JASTRe mengeluarkan denda kompaun sebanyak BND500 kepada seorang individu kerana melakukan kesalahan melanggar Bab 12 (1) (f) (ii), di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil, iaitu meninggalkan / melonggokkan sampah di sebarang tanah lapang atau tempat awam tanpa kebenaran yang sah, di Simpang 715, Kampung Jerudong.

Manakala hasil operasi dari JDBM mengenakan kompaun Bab 12 (1) (f) (ii), masing-masing sebanyak BND500 kepada dua buah syarikat berkenaan, iaitu kesalahan meninggalkan dan menyimpan barang besi-besi, kotak-kotak berdekatan kawasan stesen elektrik dan pembuangan sampah sarap yang tidak teratur di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil (Penggal 30).

Manakala hasil dapat daripada Kementerian Kesihatan, menyarankan beberapa perkara yang harus dipatuhi oleh pihak majikan, iaitu membersihkan kawasan persekitaran premis, seperti longkang di bahagian

belakang didapati tersekut oleh tumbuh-tumbuhan liar, di mana boleh menyekat saliran air longkang dan tayar-tayar terpakai terdedah kepada cuaca hujan juga panas, di mana didapati adanya pembiakan jentik-jentik pembawa penyakit, seperti denggi, Japanese Encephalitis (JE) dan lain-lain yang boleh menjelaskan kesihatan orang awam.

Seterusnya tidak melonggokkan peralatan rumah, bekas bahan binaan dan sebagainya di kawasan belakang premis (rumah elektrik) dan ia terdedah kepada cuaca hujan dan panas.

Tempat pembuangan sampah tidak mempunyai penutup, di mana boleh menimbulkan bau yang kurang menyenangkan dan mengganggu keselesaan orang awam.

Akhir sekali, melakukan pembakaran secara terbuka adalah ditegah bagi menghindari pencemaran tanah dan udara.

Jabatan Buruh akan sentiasa

membuat pemantauan, pemeriksaan, operasi secara sendiri atau bersepadu bersama agensi-agensi berkaitan bagi sama-sama menguatkuasakan undang-undang mengikut bidang kuasa masing-masing.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh juga ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja, menurut kehendak Perintah Pekerjaan 2009, seperti penyediaan kontrak pekerjaan, pembayaran gaji tepat pada waktunya dan memberikan tempat tinggal yang bersih.

Di samping itu, para majikan turut dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar Akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut, boleh berhubung bersama Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).



LONGGOKAN barang-barang yang rosak dibuang di kawasan yang tidak sepatutnya.

Program Perkongsian Integrasi 2020



PENGURUSI IMPAK Youth Movement, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Pemangku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong semasa menyampaikan rumusan.

TUTONG, Khamis, 24 Disember. - Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Tutong; Jabatan Pembangunan Masyarakat, Tutong; Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong; dan Kumpulan IMPAK Youth Movement, baru-baru ini, mengadakan Program Perkongsian Integrasi 2020 bersempena Hari Bertindak Sukarelawan 2020.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pengerusi



SESI bergambar ramai pada Program Perkongsian Integrasi 2020 bersempena Hari Bertindak Sukarelawan 2020 tersebut.

IMPAK Youth Movement, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Pemangku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong yang dialu-alukan oleh Ketua Cawangan JBS, Cawangan Daerah Tutong, Awang Kamil bin Haji Lamat selaku Pengurus Acara dan Pengurus PKWE, Daerah Tutong, Awang Haji Metamit bin Mat Zain.

Semasa program tersebut, panel pertama, Dayang Roziweta wakil

dari PKWE, Daerah Tutong, membentangkan mengenai 'Kepimpinan dan Pengalaman', diikuti panel kedua, Awang Haji Ahmadbi bin Haji Othman, juga dari PKWE, Daerah Tutong menyampaikan mengenai 'Keusahawanan dan Kraf Tangan'.

Acara diikuti dengan pembentangan mengenai 'Kepelbagai dan Kemasukan', disampaikan oleh wakil Persekutuan Pengakap Negara

dari Brunei Darussalam, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Bahagian Kebajikan dan Kemasyarakatan Persekutuan Pengakap, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Ramli bin Haji Abd. Hadis.

Panel terakhir, Awang Mohammad Aidil bin Jahali

dari Pusat Bahagian Tutong pula membentangkan mengenai 'Pelaksanaan Program'.

Acara diteruskan dengan sesi soal jawab bersama para peserta belia, diikuti dengan rumusan daripada Pengurus IMPAK Youth Movement, Awang Abdul Aziz.

Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan



MARILAH kita bertakwa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya iaitu mentaati Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasul-Nya. Berpegang teguh dengan ajaran Al-Quran dan mengikuti sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang berjaya, selamat dan bahagia di dunia dan juga di akhirat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujurat, ayat 13 :

Tafsirnya : "Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada laki-laki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan kaum supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Semulia-mulia manusia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang lebih takwanya. Bukan yang lebih pangkatnya, keturunannya ataupun bangsanya. Ini kerana sehebat mana pun seseorang itu sama ada dari segi pangkat, keturunan ataupun dari segi paras rupanya, namun ia bukanlah menjadi penilaian utama di sisi Allah Subhanahu Wata'ala melainkan hati yang ikhlas dan ketakwaan

Allah Subhanahu Wata'ala. Daripada Abu Hurairah radiallyahuhanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta kamu tetapi Allah melihat kepada hati dan amalan kamu". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Islam adalah agama rahmat yang merentasi batas keturunan, warna kulit, bangsa mahupun kedudukan. Agama kita tidak pernah membezakan antara yang kaya dengan yang miskin dan tidak pernah menyisihkan umatnya sama ada yang dilahirkan sempurna ataupun yang dilahirkan dengan kelainan upaya.

Sesungguhnya bukti agama Islam itu menyantuni golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) itu ialah sebagaimana yang difirmankan Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Abasa yang bermaksud bermasam muka ayat 1 - 4 :

Tafsirnya : "Dia (Nabi Muhammad) telah bermasam muka dan berpaling. Kerana telah didatangi oleh seorang buta. Dan tahukah engkau (wahai Nabi Muhammad bawaha tujuannya) boleh jadi dia mahu membersihkan hatinya (daripada dosa). Atau dia mahu mengambil pengajaran supaya pengajaran itu memberi manfaat kepadanya".

Allah Subhanahu Wata'ala menegur tentang perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berpaling daripada seorang buta iaitu Abdullah bin Ummi Maktum radiallyahuhanha yang hendak bertanyakan sesuatu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dan belajar daripada Baginda mengenai agama Islam. Akan tetapi Baginda pada ketika itu sibuk melayani para pembesar Quraisy dengan tujuan berdakwah kepada mereka. Baginda tidak dapat menumpukan perhatian Baginda kepada Abdullah malah Baginda memalingkan muka kerana khawatir jika Baginda melayan Abdullah, maka percakapannya dengan para pembesar Quraisy itu akan terputus sedangkan Baginda sangat-sangat berharap supaya mereka memeluk agama Islam. Allah Subhanahu Wata'ala menegur perbuatan Baginda itu dengan menurunkan ayat

dari Surah Abasa ini.

Golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat kita. Sebagaimana mereka merupakan ujian dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kedua orang tua, penjaga dan keluarga mereka. Maka mereka juga adalah ujian dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita. Ini kerana dengan adanya orang yang buta, kita menghargai nikmat melihat. Dengan adanya orang yang pekak, kita mensyukuri nikmat mendengar. Dengan adanya orang yang bisu, maka kita lebih menghargai nilai nikmat berbicara.

Dalam hal ini, kita selaku masyarakat yang prihatin dan penyayang hendaklah sedar dan ingat bahawa kehadiran mereka iaitu golongan OKU di dunia yang fana ini bukanlah untuk dihina dan dicerca akan tetapi golongan ini hendaklah difahami, dibantu dan dibimbang supaya mereka berasa dikasihi, dihargai dan tidak berasa disisihkan oleh masyarakat agar mereka dapat menjalani dan meneruskan kehidupan ini dengan lebih baik dan lebih sejahtera. Daripada Abdullah bin Amru radiallyahuhanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Orang yang mengasih itu akan dikasihi oleh yang Maha Pengasih, oleh kerana itu, kasihlah siapa yang ada di bumi, nescaya kamu akan dikasihi oleh yang ada di langit". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Bulan Disember adalah bulan bagi memperingati golongan OKU bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam malahan juga bagi memperingati golongan OKU di seluruh dunia.

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sentiasa mengelingi semua lapisan rakyatnya apakah lagi terhadap golongan OKU. Justeru, pada setiap 3 Disember, kita di Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Antarabangsa OKU yang bertujuan antara lain bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cabaran-cabarannya dalam kehidupan yang dihadapi oleh golongan OKU. Di samping memperingatkan kepada

kita bahawa mereka juga adalah sebahagian daripada masyarakat, malahan mereka merupakan pelengkap masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

Golongan OKU di negara ini juga menyumbang kepada pembangunan negara. Ini terbukti dengan adanya golongan OKU yang bertugas di sektor swasta mahupun di sektor lain, malahan mereka ini lebih menonjol prestasi kerjanya berbanding orang yang dikatakan sempurna ataupun normal. Mengikut statistik di Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sehingga kini, terdapat seramai 7,248 OKU yang berdaftar.

'Bukan Semua Kecacatan Itu Nampak Dari Mata Kasar' adalah tema Hari Antarabangsa OKU pada tahun ini. Tema ini mengetengahkan pemahaman mengenai jenis kecacatan yang bersifat bukan fizikal dan tidak dapat dikenali dan dilihat dengan mata kasar seperti kecacatan intelek, mental dan pendengaran.

Semoga dengan adanya Sambutan Hari Antarabangsa OKU ini, ia dapat memberikan keinsafan dan kesedaran buat masyarakat umum mengenai tanggungjawab kita dalam menyantuni setiap golongan OKU di mana saja mereka berada terutamanya di Negara Brunei Darussalam. Justeru, sebarang stigma mahupun sangkaan buruk terhadap golongan OKU dalam masyarakat kitani perlu dikikis kerana kita harus menyedari bahawa golongan OKU merupakan pelengkap masyarakat dan juga negara. Di samping itu, marilah kita sentiasa memupuk rasa syukur di dalam jiwa dan sanubari kita atas segala nikmat yang telah Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada kita semua.

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras". (Surah Ibrahim, ayat 7)

Menyantuni golongan Orang Kelainan Upaya

10 premis perniagaan gagal patuhi arahan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Kementerian Kesihatan melalui Unit Penguatkuasaan Kesihatan menjalankan beberapa sesi Operasi 'Merati' dari 14 hingga 20 Disember 2020 di premis-premis perniagaan di keempat-empat daerah.

Operasi 'Merati' ini dijalankan di premis-premis perniagaan di kawasan-kawasan seperti berikut, iaitu di Daerah Brunei dan Muara, operasi dijalankan di kawasan Anggerek Desa; Kiulap; RBAGCC Berakas; Serusop; Gadong; Berakas dan Menglait.

Di Daerah Belait, operasi diadakan di Bangunan Mastercon, Jalan Sungai Pandan dan di Daerah Tutong, operasi dikendalikan di Kampung Tanjong Maya dan Kampung Petani.

Manakala di Daerah

Temburong, operasi dijalankan di Kampung Belais; Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar; dan Kompleks Sukan Temburong.

Operasi 'Merati' ini melibatkan pegawai-pegawai penguatkuasaan kesihatan dari Unit Penguatkuasaan Kesihatan, Kementerian Kesihatan.

Sebanyak 69 premis perniagaan diperiksa. Hasil daripada operasi mendapati bahawa 10 premis perniagaan tidak mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan dan dikenakan denda kompaun keseluruhannya sebanyak BND3,650.

Antara kesalahan-kesalahan yang dikenakan denda kompaun adalah seperti berikut, premis-premis berkenaan tidak memakai sungkup muka (*face mask*) bagi pengendali dan penyedia makanan.

Manakala kakitangan di

premis-premis tukang gunting rambut dan premis-premis Establismen kecantikan dan kesihatan juga didapati tidak memakai sungkup muka; tiada penjarakan sosial; dan tiada Kod QR BruHealth.

Kementerian Kesihatan ingin menekankan dan mengingatkan orang ramai terutama sekali bagi para pengurus dan kakitangan premis-premis perniagaan untuk mematuhi arahan-arahan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan lainnya.

Pengurus perniagaan hendaklah memastikan pengendali, penyelia makanan dan kakitangan mereka memakai sungkup muka.

Turut diingatkan agar melaksanakan tanggungjawab sosial masing-masing dan membudayakan langkah-langkah pencegahan penularan COVID-19 di premis perniagaan masing-masing.

Mendapatkan

Daerah Brunei Muara

- Kawasan Anggerek Desa
- Kiulap
- RBAGCC Berakas
- Serusop
- Gadong
- Berakas
- Menglait

Daerah Belait

- Bangunan Mastercon, Jalan Sungai Pandan

Daerah Tutong

- Kg Tanjung Maya
- Kg Petani

Daerah Temburong

- Kampong Belais
- Padang Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar
- Kompleks Sukan Temburong

BruHealth yang khusus bagi premis-premis mereka dan mencetak Kod QR dan dilekatkan di kawasan yang mudah diimbas oleh pelanggan.

Begitu juga menggunakan aplikasi PremiseScan bagi memudahkan pelanggan-pelanggan yang tidak menggunakan aplikasi BruHealth di telefon bimbit mereka.

Mengamalkan langkah-langkah kebersihan di dalam premis perniagaan dan terutama sekali


bagi premis makanan diingatkan untuk mengikuti garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan jika menyediakan makanan secara bufet.

Sebarang aduan atau laporan mengenai premis-premis perniagaan yang tidak mengikuti arahan-arahan yang dikeluarkan, orang ramai boleh membuat aduan dengan menghantar e-mel kepada health.enforcement@moh.gov.bn atau menghubungi Talian Darussalam 123.

MAKLUMAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN ATAU DENGAN MENGIMBAS KOD QR DI BAWAH.



LIHAT IKLAN
JAWATAN KOSONG

PSC.BN



+673 7371961



PSC.BN



PSC.BN



query@spa.gov.bn

BIL.	JAWATAN & KOD IKLAN	JABATAN / KEMENTERIAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
01.	PEGAWAI KERJA [B.2 EB.3 / B.2] 2020/0049/06	JABATAN-JABATAN KERAJAAN	6	7(A)	4 JANUARI 2021
02.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS KANAN I [B.3] 2020/0051/03	PEJABAT WAWASAN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI	1	38(A)	4 JANUARI 2021

MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN DENGAN BIDANG DAN TUGAS TANGGUNGJAWAB BOLEHLAH MELAYARI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN DAN DENGAN MENGIKUTI AKAUN MEDIA SOSIAL INSTAGRAM DAN TELEGRAM DI @PSC.BN



KEMENTERIAN
HAL EHWAH UGAMA

1. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 264 / 2020

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT
FOR NEW DISABLE TOILET, NEW
DISABLE RAMP AND OTHER
WORKS AT MASJID
HAJI ABD. AZIM KAMPUNG
LUAGAN DUDOK,
TUTONG DISTRICT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP / 164 / 265 / 2020

TAJUK :
TO DESIGN AND CONSTRUCT
FOR NEW DISABLE TOILET,
NEW DISABLE RAMP AND OTHER
WORKS AT MASJID DULI
PENGIRAN MUDA MAHKOTA,
PENGIRAN MUDA HAJI
AL-MUHTADEE BILLAH,

KAMPUNG TAMOI,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 30 DISEMBER 2020,
2.00 PETANG



DEWAN BAHASA DAN
PUSTAKA BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN SEBUT HARGA
12 / DBP / SH / 2020 - 2021

KONTRAK PEMELIHARAAN
PENGGAL (24 BULAN) BAGI
KERJA-KERJA PERKHIDMATAN
DAN PEMBERSIHAN BANGUNAN
DAN LANDSKAP
DI JABATAN DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA



(BANGUNAN, LETAK KERETA,
JALAN RAYA DAN KAWASAN)
DI JALAN PEMBANGUNAN,
LAPANGAN TERBANG LAMA
BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh Tutup : 4 Januari 2021,
jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

TAWARAN BAGI RUANG
KEDAI KELAS DUA
MUKIM LABI DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran :
JDB / BMP / 5.1 / A / 04 / 2020

Tarikh Tutup :
25 Jamadilawal 1442H /



9 Januari 2021M
[tidak lewat jam 2.00 Petang]



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

KENYATAAN BAGI
MENDAPATKAN
TAWARAN SEBUT HARGA

BILANGAN RUJUKAN :
JBBSB / SH / 2020-2021 / 12 / UP

TAJUK SEBUT HARGA :
ELECTRICAL WORKS
(FLOODLIGHT)
AT TAMAN JUBLI PERAK



BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI, TARikh DAN JAM TUTUP :
KHAMIS, 31 DISEMBER 2020
JAM 2.00 PETANG



KEMENTERIAN PERTAHANAN

MAKLUMAN PEMBERITAHUAN
TAWARAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN

1. TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 280 (1)
PROGRAM PERKEMBANGAN
EKSEKUTIF (EDP)
SIRI 17/18/19 (2021 - 2023)
BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
KERAJAAN
ANJURAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN
- KUANTITI 1 LOT

TARIKH TUTUP :
SELASA, 19 JANUARI 2021



[TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG]



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
MINDEF / DFA / RC / 256 (2)

SUPPLY OF DOG MEDICINES
FOR
GURKHA RESERVE UNIT -
FIVE (5) YEARS CONTRACT

TARIKH TUTUP
DILANJUTKAN KEPADA:
SELASA,
12 JANUARI 2021,
[TIDAK LEWAT
JAM 2.00 PETANG]



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM

KELAS : III / IV
KATEGORI : B01 & KPB02

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSIMU038 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH,
MENGECAT, DAN PENGGANTIAN
KOMPLEKS SUKAN TELIPOK
DI JALAN KUMBANG PASANG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
5 JANUARI 2021 (SELASA)



JAM 2.00 PETANG



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI

Reference:
DCA / HSSE / 2020 / T1

Name:
Pagar keselamatan dan
Sistem Pengesahan
Pencerobohan di Lapangan Terbang
Antarabangsa Brunei



Closing date:
Tuesday, 19 January 2021, 2.00 PM



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 53 / CQS / 2020 - T / VI

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH
DAN MENAIKTARAF
BANGUNAN MUZIUM BRUNEI
DAN BANGUNAN PAMERAN
SECARA MENYELURUH

TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)



TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG



UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
DIVISIEN PENGURUSAN KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

NOTIS SEBUT HARGA

1. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q35

TO SUPPLY AND DELIVERY
OF VIDEO CONFERENCE SYSTEM
FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT

2. BIL. SEBUT HARGA :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2020 / Q36

TO SUPPLY AND DELIVERY
OF A3 LASERJET PRINTER FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT

TARIKH TUTUP :
Isnin, 4 Januari 2021



Jam : sebelum 9.00 Paggi


KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
1. BIL. TAWARAN :
KK / 176 / 2020 / 2021 / MOH

KETERANGAN :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TESTING AND
COMMISSIONING OF
SAFETY BOOTS
FOR
EMERGENCY MEDICAL
AMBULANCE SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

2. BIL. TAWARAN :
KK / 184 / 2020 / 2021 / PPN (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY OF
CONSUMABLE ITEMS
FOR
ORAL HEALTH
PROMOTION UNIT,
DEPARTMENT OF DENTAL
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD THREE (3) YEARS

3. BIL. TAWARAN :
KK / 185 / 2020 / 2021 / PPN (TC)

KETERANGAN :
SUPPLY AND DELIVERY
OF
ORTHODONATIC BRACKETS
(BONDABLE) FOR
ORTHODONATIC UNIT,
DEPARTMENT OF DENTAL
SERVICES FOR A PERIOD OF
THREE (3) YEARS

4. BIL. TAWARAN :
KK / 186 / 2020 / 2021 / ESTEMOH

KETERANGAN :
UPGRADING OF
AIR-CONDITIONING AND MINOR
BUILDING WORKS
FOR
ENVIRONMENTAL SECTION,
SECOND FLOOR, OLD WING AT
DEPARTMENT OF SCIENTIFIC
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH

5. BIL. TAWARAN :
KK / 188 / 2020 / 2021 / LAB (TC)

KETERANGAN :
TO SUPPLY AND DELIVER
SALMONELLA AGGLUTINATING
ANTISERA
FOR
CLINICAL
MICROBIOLOGY LABORATORY,
DEPARTMENT OF LABORATORY
SERVICES,
MINISTRY OF HEALTH
FOR A PERIOD OF
FIVE (5) YEARS USAGE

TARIKH TUTUP:
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]
5 JANUARI 2021

JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NOTIS TAWARAN
BILANGAN TAWARAN :
RTB / 19 / 2020

**SUPPLY AND DELIVERY
OF**
NEWS PRODUCTION EDITING
SYSTEM FOR ASEAN SUMMIT
2021

Tarikh Tutup :
19 Januari 2021, jam 2.00 Petang

JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
BILANGAN TAWARAN :
JDB / BKPD / SH / 41 / 2020

TAJUK TAWARAN :
MAINTENANCE AND
REPAIR OF SPLIT UNIT
AT DEWAN SERBAGUNA
SUNGAI MAU
MUKIM BUKIT SAWAT,
KUALA BELAIT

TARIKH TUTUP :
29 DISEMBER 2020 (Selasa)

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA
TARIKH TUTUP :
26 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DENGAN KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN
DI DALAM**
1. BILANGAN :
JKR / DWS / 018 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN STESYEN
PENGEPAM AIR UTAMA
DAERAH BRUNEI MUARA,
TUTONG DAN TEMBURONG

2. BILANGAN :
JKR / DWS / 019 / 2020

NAMA PROJEK :
KONTRAK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA OPERASI
DI STESYEN PENGEPAM AIR

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM**
BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 33 / SME / 2020

NAMA PROJEK :
MEMBEKAL TIGA (3) UNIT
'5-SEATERS WAGON'
UNTUK
JABATAN JALAN RAYA,
JABATAN KERJA RAYA

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 35 / BPB / 2020

NAMA PROJEK :
TERM CONTRACT FOR

**OPERATION AND
MAINTENANCE WORKS OF
AIR-CONDITIONING SYSTEM
FOR
GROUP LOCATION 2
FOR 2 YEARS**
TARIKH TUTUP :
19 JANUARI 2021 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG
BERDAFTAR DALAM**
**KELAS : IV & V
KATEGORI :
B01, KA01 & KPB02**
BILANGAN TAWARAN :
JKR / DBSBM036 / 2020

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
DAN MENAIKTARAF
BANGUNAN MAHKAMAH
TINGGI -
MAHKAMAH BESAR,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
19 JANUARI 2021 (SELASA)

Tanamkan nilai kepimpinan dalam diri

Siaran Akhbar dan Foto : LiveWIRE Brunei

TEMBURONG, Rabu, 23 Disember. - Kem Kepimpinan yang pertama dan satu-satunya yang diselenggarakan oleh Shell LiveWIRE Brunei bagi tahun 2020 berlangsung dari 15 hingga 17 Disember lalu di Freme Rainforest Lodge di Daerah Temburong.

Seramai 26 peserta terdiri daripada pemenang 2020 Shell LiveWIRE Business Awards, Ahli Business Network, pelajar AgroBIZ, kakitangan Progresif dan Pusat Pembangunan Belia berjaya mengharungi kem tersebut dengan sinergi yang luar biasa walaupun pandemik COVID-19 melanda dunia pada tahun ini.

Program 55-Hour Away From Home itu bertujuan untuk menanamkan nilai kepimpinan khususnya dalam diri individu dan menyelami sifat peribadi peserta melalui Self-Assessment. Mereka juga dide dahukan kepada unsur-unsur semula jadi untuk meneroka ciri-ciri penting yang ada dalam diri mereka.

Semasa sesi *theoretical* diketuai oleh Penasihat Perniagaan Kanan Shell LiveWIRE Brunei, Mohd. Fadhilullah Tudun

Haji Hassan.

Semasa sesi praktikal pula, peserta menerokai hutan dan menyelesaikan kursus rintangan yang dipimpin oleh pemandu yang berpengalaman dan berkelayakan dalam membantu peserta mengenai pelbagai aspek *survival* di dalam hutan hujan Negara Brunei Darussalam.

Pengurus Program LiveWIRE, Awang Haji Abdul Yusrin bin Dato Seri Laila Jasa Haji Mohd. Salleh mengakhiri program tersebut dengan memberikan ucapan.

"Kem Kepimpinan telah banyak mengajar saya tentang pengembangan diri, penilaian, kejelasan, kepimpinan dan kerja berpasukan. Saya menyukai cabaran fizikal bersama dengan pasukan penyelia yang baik," kata Pengasas Maven's Hive, Goh Chai Li dan merupakan salah seorang pemenang 2020 Shell LiveWIRE Business Awards.

Daerah Temburong merupakan lokasi yang strategik untuk mengadakan Kem Kepimpinan kerana para peserta dapat mengalami *away day concept*, sambil menghargai apa yang



SERAMAI 26 peserta, terdiri daripada pemenang 2020 Shell LiveWIRE Business Awards, Ahli Business Network, pelajar AgroBIZ, kakitangan Progresif dan Pusat Pembangunan Belia berjaya mengharungi Kem Kepimpinan yang diadakan oleh Shell LiveWIRE Brunei.

digelar sebagai 'Permata Hijau Brunei'.

Shell LiveWIRE Brunei adalah sebahagian daripada organisasi antarabangsa yang beroperasi di 15 negara di seluruh dunia. Ia adalah pelaburan sosial perdana Syarikat Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), yang bertujuan untuk

menyumbang kepada masyarakat tempatan dengan meningkatkan kesedaran dalam mempelbagaikan memperkenalkan, menggalakkan dan membantu golongan muda tempatan ke arah bidang keusahawanan.

Selain memberikan akses terhadap sumber dan memberikan

nasihat untuk memulakan perniagaan sebagai pilihan, salah satu objektif syarikat berkenaan adalah juga menyediakan program bimbingan bagi usahawan muda untuk mengembangkan kemahiran yang diperlukan bagi menguruskan perniagaan baharu.

Sayangi jantung kita, terapkan gaya hidup sihat

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Gaya hidup yang sibuk dan tabiat pemakanan tidak sihat terbukti menjadi antara 'pembunuhan senyap' bagi golongan yang tidak mengambil berat akan kesihatan jantung mereka.

Justeru, pemeriksaan kesihatan secara berkala adalah langkah pencegahan penting. Rutin pemeriksaan secara sedemikian dapat mengesan masalah kardiovaskular dan risiko lain.

Usaha kerajaan melalui Kementerian Kesihatan, pada tahun ini, bagi memastikan orang ramai sentiasa berada dalam keadaan sihat, dengan mengadakan Kempen Kesedaran Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (Non-communicable diseases - NCDs) selama tiga bulan, mulai Oktober lalu.

Kempen tersebut sebagai salah satu platform bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai Penyakit Kardiovaskular, pada masa yang sama, mengingatkan orang ramai bahawa Penyakit Kardiovaskular dapat dicegah dengan mengambil langkah-langkah terhadap faktor-faktor risiko Penyakit Jantung.

Penyakit Kardiovaskular atau Cardiovascular Disease (CVD) adalah penyakit yang berkaitan dengan jantung, pembuluh darah dan strok yang sering menjadi penyebab utama kematian di seluruh dunia.

Risiko-risiko Penyakit Kardiovaskular adalah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu faktor-faktor risiko tingkah laku

(behavioural risk factors), seperti penggunaan tembakau, pengamalan makanan kurang sihat, seperti pengambilan lemak dan garam yang berlebihan juga gaya hidup yang tidak aktif.

Semua ini boleh dicegah dengan membuat perubahan pada amalan cara hidup yang sihat, manakala faktor-faktor risiko yang berkaitan, seperti obesiti, tekanan darah tinggi, tahap kolesterol tinggi, diabetes atau kencing manis juga dapat dicegah atau dirawat, jika dikesan awal.

Kebanyakan NCDs berkongsi faktor-faktor risiko yang sama, seperti peningkatan darah tinggi, paras darah gula yang tinggi, berat badan berlebihan (obesiti), paras kolesterol yang tinggi, tabiat merokok, pemakanan yang tidak sihat dan cara hidup yang tidak aktif.

Secara langsung, peningkatan faktor-faktor risiko ini boleh menyumbang ke arah peningkatan NCDs, seperti penyakit jantung.

Dalam kesihatan awam, terdapat tiga peringkat pencegahan, iaitu Primary Prevention - Promosi Kesihatan dan Imunisasi atau Vaksinasi; Secondary Prevention - Saringan dan Pengesanan Awal; dan Tertiary Prevention - Pemulihan.

Ujian saringan (screening) secara ringkas bermaksud menjalani ujian atau pemeriksaan kesihatan yang dilakukan oleh golongan yang berisiko, tetapi tidak menunjukkan tanda-tanda atau gejala penyakit.

Tujuan saringan adalah untuk mengenal pasti, sama ada seseorang itu mempunyai faktor risiko penyakit atau mengesan penyakit pada peringkat awal.

Di samping itu, saringan dan pengesanan awal NCDs boleh menjimatkan kos rawatan yang signifikan berbanding jika dikesan pada peringkat lebih akhir.

Dikehendaki bantu siasatan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



MOHD. JIDI BIN HAJI MD. YAASIN, warganegara Brunei Darussalam, Nombor Kad Pengenalan : 00-112480 (Kuning) dikehendaki untuk membantu siasatan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Tutong, Daerah Polis Tutong meminta kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang

laklai yang dikehendaki untuk membantu siasatan.

Laklai tersebut, Mohd. Jidi bin Haji Md. Yaasin, warganegara Brunei Darussalam, Nombor Kad Pengenalan : 00-112480 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 796 atau 797 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.

Jika orang ramai ingin mengetahui maklumat lanjut, bolehlah melayari Laman Sesawang www.police.gov.bn.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM

**Apa boleh kami bantu?
Hubungi kami.**

How can we help you today?
Here's how to get in touch with us.

+673 7371961

query@spa.gov.bn



SEKUMPULAN orang awam yang mengamalkan hidup sihat dengan berjogging berpasukan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Aimi Sani,
Jabatan Penerangan



AWANG ZUL-HASIF BIN MOHD. HASHIM
dari Kampung Mumong, Kuala Belait ketika ditemui bual.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Pemanduan berhemah dapat mengelakkan dan menghindarkan diri daripada berlakunya sebarang kemalangan.

Oleh itu, pemandu haruslah



mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang jalan raya, konsep pemanduan berhemah dan peraturan-peraturannya, selain mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aspek pemanduan yang betul ketika memandu.

Semua pengguna jalan raya sama-sama mempunyai tanggungjawab dan memainkan peranan dalam menjaga diri sendiri dan orang di sekeliling termasuk harta benda.

Sikap dan budaya mengutamakan keselamatan jalan raya akan membantu mengelakkan daripada berlakunya kemalangan adalah penting bagi keselamatan semua.

Antara sikap yang penting adalah menggunakan tali pinggang

keledar bukan sahaja untuk mengelakkan pengenaan denda kompaun dan demerit akan tetapi atas prinsip kesedaran bahawa ia bukan sahaja dapat menyelamatkan nyawa apabila terlibat dalam kemalangan tetapi untuk menyerapkan kepada minda semua bahawa keselamatan itu adalah utama dalam aspek kehidupan, masyarakat dan perkongsian jalan raya untuk semua.

Awang Zul-Hasif bin Mohd. Hashim dari Kampung Mumong, Kuala Belait ketika ditemui Pelita Brunei berkata bahawa pemanduan berhemah hendaklah dipraktikkan bagi setiap pemandu di negara ini seperti menggunakan tali pinggang keledar selain sentiasa bertolak ansur dengan sesama pengguna yang lainnya.

Menurut beliau, pemandu juga harus mengikuti kadar had kelajuan yang ditetapkan dan mematuhi papan tanda jalan raya.

"Ramai yang tahu dan sedia maklum mengenai dengan pemanduan berhemah dapat mengelakkan kemalangan jalan raya tetapi masih ada pemandu yang bertindak kurang bijak seperti menggunakan telefon

PARA pemandu haruslah mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang jalan raya, konsep pemanduan berhemah dan peraturan-peraturannya, selain mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aspek pemanduan yang betul ketika memandu.

Penutupan sementara Jalan Bukit Bintagur

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Kerja Raya



PENUTUPAN Sementara Jalan Bukit Bintagur, berdekatan Jalan Bukit Sinadur, Kampung Perumahan Negara Mengkubau, Mukim Menteri, mulai Sabtu, 26 Disember 2020 hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin

memaklumkan kepada orang ramai, terutama kepada para pengguna jalan raya mengenai Penutupan Sementara Jalan Bukit

bimbir ketika memandu. Oleh yang demikian, sama-sama lah kita beringat bahawa keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab bersama bagi mengelakkan berlakunya kemalangan dan merosakkan harta benda kerajaan. Sayanglah nyawa biskita dan ingatlah keluarga tersayang," ujarnya.

Membudayakan pemanduan yang berhemah dengan menerapkan rasa tanggung jawab

sosial sebagai pengguna jalan raya ini diharap akan dapat menjadikan masyarakat peka dan seterusnya menyumbang kepada keselamatan jalan raya secara menyeluruh.

Oleh itu, orang ramai diharap akan sentiasa menjadi pengguna jalan raya yang lebih cermat, prihatin, berhati-hati, berwaspada, bertimbang rasa dan berhemah dengan mematuhi semua undang-undang dan peraturan jalan raya.



Didenda kerana dadah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND2,000 atas kesalahan memakan dadah terkawal.

Hukuman dijatuhkan oleh Pemangku Majistret Kanan, Mohammad Marzuqi bin Sabtu ke atas Mohammad Fakhru Zulfitri bin Yussof, 37 tahun, di Mahkamah Majistret, di sini.

Pada 25 Julai 2016, Pegawai Biro Kawalan Narkotik (BKN) membuat serbuan di Kampung Perpindahan Mata-Mata Gadong kerana tingkah laku mencurigakan yang berkaitan dengan aktiviti dadah.

Tertuduh kemudian dibawa ke Pejabat BKN untuk disiasat lebih lanjut, sebagai sebahagian daripada siasatan tersebut tertuduh diminta untuk memberikan sampel air kencing.

Berdasarkan analisis dilakukan, hasil ujian air kencing tertuduh positif mengandungi dadah di bawah Seksyen 6(b) memakan dadah terkawal jenis 'A' Methylamphetamine.

Pendakwaan dibuat di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 yang dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa, Sofimah binti Ramlee juga menyatakan bahawa tertuduh tidak mempunyai rekod kesalahan lalu di bawah akta yang sama.

Dadah : Sebutan semula kes, 7 Januari

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 24 Disember. - Mahkamah Majistret melanjutkan tahanan reman selama dua minggu ke atas seorang lelaki, warga tempatan, Awang Mas Fadillah bin Ibrahim yang disyaki terlibat, di bawah akta penyalahgunaan dadah.

Pemangku Majistret Kanan, Mohammad Marzuqi bin Sabtu juga menetapkan kes tersebut disebut semula, pada 7 Januari 2021, jam 2.00 petang.

Awang Mas Fadillah (defendant), berumur 32 tahun, disyaki terlibat didalam aktiviti pengedaran dadah semasa berada di dalam dua buah kereta yang berasingan, di kawasan lapang letak kereta, di Flat Kerajaan, Kampung Sinarubai.

Defendant memiliki dadah terkawal, iaitu Dadah Kelas 'A' Methylamphetamine, iaitu sebanyak 1.2 kilogram, bagi tujuan mengedar, dan jika didapati bersalah, defendant boleh dihukum gantung hingga mati, di bawah Seksyen 3A bagi Akta Penyalahgunaan Dadah Bab 29.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah 'Adzimah Mukarramah binti Haji Salleh.



Rebut peluang pekerjaan yang ada, jangan terlalu memilih

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah baru-baru ini bersabda menyeru para belia untuk mencipta pelbagai peluang bagi diri sendiri dan rakan sebaya mereka, melebihi apa yang ada sekarang, bukan hanya menunggu pekerjaan yang serasi atau tangga korporat untuk dinaiki.

"Belia setentunya adalah penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara seperti contoh di negara jiran iaitu Malaysia, para belia digalakkan untuk menjalankan perniagaan iaitu *micro business* yang dibantu oleh kerajaan sepenuhnya dari segi model dan mengasah kemahiran dengan mengadakan kursus-kursus praktikal seperti *product rebranding*, pemasaran secara dalam talian dan asas pengenalan perniagaan. Baru-baru ini, isu *franchise* diketengahkan, yang mana belia diberi peluang untuk menjalankan perniagaan tersebut. *Franchise* adalah sesuatu perniagaan yang siap tersedia dari segi premis, kelengkapan, kursus-kursus praktikal operasi dan tawaran produk. Oleh yang demikian, secara tidak langsung ia boleh membangun sumber tenaga manusia dan mengekalkan daya tahan dari segi ekonomi yang menjurus kepada Wawasan Brunei 2035". - Azmi Timbang, Kampung Rimba.

"Sabda Duli Yang Teramat Mulia sangatlah bertepatan dengan keadaan ekonomi yang sangat mencabar sekarang ini. Keadaan ketika ini semakin mencabar terutama sekali kepada lepasan universiti yang masih belum mempunyai pekerjaan yang bersuaian dengan kelulusan yang diperoleh. Seruan DYTOM kepada para belia untuk menukar *mindsets* kepada pembangunan diri dan *self improvement* bagi membantu membangunkan dan mengembangkan ekonomi bangsa dan negara terutama dalam bidang teknologi dan inovasi, dan tidak bergantung kepada penghasilan minyak dan gas sahaja". - Fany Kifrawi, Kampung Sungai Tilong.

"Para belia seboleh-bolehnya untuk tidak terlalu memilih dan merebut peluang pekerjaan yang sedia ada bagi mengurangkan jurang pengangguran dalam negara. Dengan bekerja, mereka boleh menimba pengalaman dan kemahiran sehingga mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik. Yang penting mereka cuba terima apa-apa peluang yang ada. Terima peluang-peluang pekerjaan yang sedia ada sehingga mendapat pekerjaan yang lebih baik". - Raqib Irsyad, Kampung Lambak Kanan.

"Banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan boleh diisi graduan lepasan institusi pengajian tinggi di negara ini dengan syarat mereka tidak terlalu selektif dan mementingkan soal gaji semata-mata. Golongan berkenaan seharusnya bersikap lebih realistik dan menyedari hakikat bahawa kebanyakan majikan cenderung mengambil pekerja yang berpengalaman berbanding kelulusan akademik semata-mata. Berikut itu, graduan lepasan institusi pengajian tinggi perlu berusaha memperbaiki kemahiran interpersonal dan meningkatkan produktiviti diri supaya mendapat tempat dalam pasaran kerja. Berbekalkan diploma dan ijazah yang dimiliki selepas dua hingga empat tahun pengajian, peluang mereka memperoleh pekerjaan bergaji setimpal kelulusan kelihatan semakin sukar, melainkan jika berpeluang menyertai Perkhidmatan Awam. Situasi itu menyebabkan peningkatan jumlah graduan dan siswazah menganggur, selain ramai terpaksa mencebur pekerjaan bukan bidang pengajian, selain dibayar gaji atau imbuhan tidak setimpal kelulusan dimiliki". - Awang Mohammad, RPN Lugu.

Sebagai penulis ruangan ini, saya percaya bahawa belia kita boleh membina perbadanan baharu yang akan menjadi jentera masa hadapan tanpa terlalu memilih apa jua jenis pekerjaan atau bijak mencari jalan untuk berusaha melakukan sesuatu yang boleh mendatangkan hasil kepada diri sendiri dan negara. Golongan belia terutama graduan yang belum mendapat kerja dinasihat agar tidak memilih kerja sebaliknya perlu melakukan pelbagai bidang kerja lain meskipun bukan jurusan mereka dalam usaha menimba pengalaman sebelum memperoleh pekerjaan yang bersesuaian pada masa depan. Graduan-graduan perlu mencari kerja kerana ia akan dapat membantu sedikit walaupun tidak bersangkut-paut dengan apa yang dipelajari di universiti walaupun memperoleh gaji sedikit dalam kerja yang dilakukan tetapi ia merupakan pendapatan halal.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Pemilihan Makanan Sihat, Jauhi Makanan Segera.
- ii. Gadget Perosak Minda Kanak-Kanak.

2 terima Sijil Masyarakat Berjasa



STesen Komander Balai Bomba Jerudong, ASFR Haji Hassan bin Haji Jamudin pada sesi bergambar ramai bersama para penerima Sijil Masyarakat Berjasa, iaitu Pengiran Hamijal bin Pengiran Mumin dan Mohd. Aidil Aiman bin Haji Mohd. Azrimin.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Sebagai salah satu usaha untuk menghargai jasa orang awam yang berjaya memadamkan api kebakaran, hari ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui Cawangan Operasi 'F' mengadakan penyerahan Sijil Masyarakat Berjasa kepada dua orang awam.

Penghargaan itu diberikan kerana dua orang awam itu berjaya memadamkan kebakaran elektrik yang berlaku pada 19 Disember lalu, pada jam 10.30 pagi bertempat di Perumahan Kluster Lugu.

Tindakan pantas mereka berjaya memadamkan kebakaran tersebut dengan menggunakan satu biji alat pemadam api jenis debu kering (Dry Powder 2kg) dan kain.

Sehubungan itu, penyerahan sijil tersebut disempurnakan oleh Stesen Komander Balai Bomba Jerudong, ASFR Haji Hassan bin Haji Jamudin dan diberikan kepada Pengiran Hamijal bin Pengiran Mumin yang mendapat asas pengetahuan menggunakan alat pemadam api di tempat beliau bertugas dan Mohd. Aidil Aiman bin Haji Mohd. Azrimin yang mendapat asas pengetahuan

menggunakan alat pemadam api di sekolah.

Turut hadir semasa penyerahan sijil tersebut ialah Pegawai Pemerintah Operasi 'F', SFR Haji Nordin bin Haji Buntan; Timbalan Pegawai Pemerintah Operasi 'F', ASFR Suhaimi bin Haji Muhammad; dan Ketua Unit Perhubungan Awam Operasi 'F', SO Aliman bin Haji Salleh.

Di kesempatan ini juga, JBP menawarkan kursus-kursus, seperti Fire Marshal, Taklimat Keselamatan Kebakaran dan Lifesaver 995.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, orang awam hendaklah berhubung terus ke JBP melalui Talian Kecemasan Bomba 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

Mangsa sesat ditemui selamat



ANGGOTA bomba menjumpai dua lelaki tersebut di kawasan Bukit 7 dalam keadaan selamat dan seorang daripada mereka mendapat kekejangan di bahagian paha.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Seramai empat anggota bomba, diketuai oleh ASO Metusin bin Haji Menudin, dari Balai Bomba Jerudong, Cawangan Operasi 'F' dan lima anggota Bomba, diketuai oleh ABK 658 Hassanuddin dari Skuad Khas Balai Bomba Rimba, Cawangan Operasi 'C' dikerahkan ke Taman Rekreasi Bukit Shahbandar untuk mencari dua mangsa yang dilaporkan tersesat,

di taman tersebut, pada jam 6.58 petang.

Dalam kejadian tersebut, anggota Bomba memasuki kawasan hutan bagi mencari mangsa yang tersesat, merupakan dua lelaki, warga tempatan.

Anggota Bomba Penyelamat menjumpai dua lelaki tersebut di kawasan Bukit 7 dalam keadaan selamat dan seorang daripada mereka mendapat kekejangan di bahagian paha.

Sehubungan insiden berkenaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat turut menekankan kepada orang ramai, khususnya bagi penggemar hiking agar memastikan dan mengambil tahu akan keadaan cuaca dari semasa ke semasa juga tidak meneruskan aktiviti jika keadaan sudah mulai gelap (6.00 petang).

Selain itu, jangan mendaki bukit secara berseorangan kerana ditakuti perkara yang tidak diingini berlaku dan hendaklah maklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan di mana tempat yang hendak tuju.

Untuk keselamatan semasa hiking disarankan agar sentiasa membawa wisel, lampu, telefon bimbit dan air bagi keperluan, jika berlaku kecemasan.

Jika berlaku sebarang insiden, hubungi Talian Kecemasan Bomba 995 dan berikan maklumat tepat.



Suratan takdir

SUASANA petang berubah menjadi gelap dari cuaca yang mendung. Semendung hatinya kini. Perlahan dia memandang ke luar jendela. Pandangannya kosong. Sekosong jiwanya. Dia terus mengeluh. Keliru memikirkan semua masalah yang tiba-tiba menghimpit perasaannya. Mungkin ini sudah suratan takdir bagi dirinya. Tapi bukankah takdir juga boleh diubah dengan berdoa? Namun, mengapa doa-doanya belum dimakbulkan Tuhan? Di mana silapnya? Siapakah yang tak ingin bahagia? Isteri manakah yang sanggup melihat rumah tangga yang baru dibinanya hancur? Bersuami tetapi seperti masih bujang. Suami pulang dan pergi sesuka hati. Tak pernah peduli perasaan isteri. Jauh sekali ingin bergurau sendiri seperti pasangan lain.

Haryati menyekat air mata yang tumpah. Mengeluh bererti kalah dan tidak bersyukur pada nikmat Tuhan. Sedangkan kini Tuhan telah merubah nasibnya. Dari mlarat hingga kini bergelar menantu orang kaya. Banglo mewah yang menjadi tempat tinggalnya kini pun, adalah nikmat dari Tuhan. Ya, sepatutnya dia gembira dengan keadaannya kini. Menjadi kaya dalam sekilip mata. Namun, perasaannya tak mampu berbohong. Apalah ertinya senang kalau hati tidak bahagia. Bukan ini yang dicarinya. Tidak, tidak sama sekali. Dia cuma ingin bahagia bersama Amin, suaminya. Tinggi benarkah harapannya itu?

"Abang... Abang nak keluar?" Soal Haryati sambil memandang ke arah suaminya. Dia yang sedang leka mengoreng ikan di dapur tersentak.

Diperhatikan wajah suaminya di muka pintu. Amin buat tak tahu. Bukanlah hendak menjawab soalan isteri, malah seakan melarikan diri.

"Abang... Jawablah soalan Yati. Abang nak ke mana ni? Kan hari ni hari minggu. Apalah salahnya abang rehat di rumah. Yati rindu nak berbual dengan abang.....," lembut suara Haryati memujuk suaminya.

"Hei Haryati. Apa lagi yang tak kena dengan awak ni ha? Apa, semua yang saya dah bagi ni tak cukup lagi ke buat awak? Rumah banglo ni, kerita, duit, semuanya dah saya bagi. Apa lagi yang tak cukup? Sampaikan awak nak mengatur hidup saya pulak?"

Kasar suara Amin memarahi isterinya. Memang sedari dulu, kasihnya tak pernah wujud buat Haryati. Dia tidak pernah sayang pada isterinya itu. Malah, perkahwinan ini juga sekadar ingin mengambil hati ibu. Kalau tak kerana pujukan ibu, tak ingin dia tidak sekalil dengan anak orang gaji di rumah keluarganya itu. Air mata Haryati berlinangan. Sedih mengenangkan perlakuan suaminya. Perlahan dia berlutut di hadapan Amin.

"Aa....abang, Yati merayu pada abang,

Oleh : Adi Jiwa
Ilustrasi :
Meja Reka Kreatif,
Bahagian Pelita
Brunei

tolong jangan buat Yati macam ni. Yati rindu sangat pada abang. Setiap hari Yati tunggu abang balik dari pejabat. Yati masak sedap-sedap buat abang. Tapi abang balik lewat. Kadang-kadang langsung tak balik. Yati risaukan abang, Yati sunyi abang....., Yati perlukan abang.....," ujarnya tersebut sekakat-sekat.

Betis Amin diperlukan erat.

"Haa....., kalau awak rasa perlukan saya, dah nak lebih lama tinggal dengan saya, baik awak jangan campur urusan saya. Saya tak suka!" Jerit Amin sambil berlalu pergi, meninggalkan Haryati yang bungkam tanpa sepatuh kata.

"Eh..... Yati, Amin! Dah sampai pun anak ibu. Masuklah....." pelawa Mak Limah tersenyum.

Disambutnya salam menantu. Dikucup mesra pipi Haryati. Sayang benar dia pada menantunya itu. Makin lebar senyumannya bila melihat Haryati dan Amin berpegangan tangan mesra. Alhamdulillah..., ucapnya syukur. Haryati duduk disisi Amin. Tangan mereka masih bergenggaman. Makin lebar senyuman Mak Limah.

"Mana abah..., ibu?" ujar Amin.

Selalunya setiap petang begini abahnya akan bersantai di rumah. Dia senang melihat keadaan abah dan ibunya.

"Abah kau keluar sekejap. Jumpsa kawan katanya. Haa....., Yati, ni dah masuk dua tahun ni....., bila lagi agaknya ibu nak main dengan cucu.....?" ujar Mak Limah berseloroh.

Haryati tersentak. Hampir tumpah air yang diminumnya. Dipaksa dirinya senyum.

"Belum tahu lagi, ibu. Belum ada rezeki," jawab Amin berpura-pura senyum.

Biar ibu tak tahu. Dia tak mahu ibu tahu. Dia tak mahu ibu kecewa. Haryati tunduk. Ibu... Macam manalah Yati nak hamil ibu, kalau abang tak pernah sayang, Yati.

Haryati kesal dengan sikap Amin yang pandai berlakon. Di hadapan ibu, mereka berpegangan tangan mesra. Itu semua arahan dari Amin. Tetapi di luar, hendak menyentuh kuku Amin sekaliupun amat payah. Dia menahan air mata dari tumpah.

"Tak apalah kalau belum rezeki. Hmm... Malam ni makan di sini ya..." ujar Mak Limah ceria.

"Yati... jom tolong ibu masak," ajak Mak Limah sambil berlalu ke dapur.

"Abang, Ton sayang abang. Tapi Ton tak boleh menerima keputusan ini. Abang dah beristeri. Apa kata Kak Haryati nanti?" ujar Zaiton perlahan sambil memandang ke arah Amin. Lelaki yang terlalu dicintainya.

"Sayang..., dia tak boleh buat apa-apa. Abang ada hak! Abang kahwin dengan dia pun semata-mata sebab abang kasihanku dia yang sebatang kara tu. Tu pun sebab ibu yang pujuk abang. Kan ke mak dia juga yang dah banyak berkorbani untuk keluarga

abang. Percayalah sayang, abang sikit pun tak mencintai dia. Abang kan ada Ton. Abang cuma sayang Ton seorang," kata Amin bersungguh-sungguh.

"Sekarang, abang nak Ton terima lamaran abang. Abang nak jadikan Ton suri hidup abang. Ton terima lamaran abang ye sayang," ucap Amin sambil mata mereka bertentangan.

Haryati menyembamkan muka ke atas bantal. Badannya terhinggut-hinggut menahan sendu. Sungguh tak disangka, tekanannya selama ini benar. Patutlah Amin tak cinta padanya. Rupa-rupanya Amin sudah punya kekasih yang lain.

Bagaikan mimpi apabila dia melihat keliatan suaminya makan dan minum dengan perempuan itu di kedai makan Aneka Rasa. Mujur ibu tidak melihat, dan sebolehnya dia tidak mahu ibu terlihat akan adegan romantik itu. Terasa bagai halilintar membelah bumi. Suami yang disayangi bermesraan di hadapan matanya sendiri. Ya Allah! Apakah ini dugaan untuk ku Ya Allah! Ibu..., tolong Yati ibu! Yati kecewa! Jeritnya sendirian.

Dia memanggil nama arwah ibu. Walaupun ibu sudah pergi jauh. Kalau ibu ada di sisi Yati ibu, rintihnya. Tiba-tiba dia mendengar bunyi pintu diketuk. Pastinya Amin yang pulang. Pulang dari bermanjaan dengan gadis itu. Dia nekad. Perkara ini perlu diselesaikan. Lantas dia bangun menuju ke ruang tamu.

"Abang..., abang pergi mana tadi?" Perlahan suaranya kedengaran. Amin yang sedang membuka kasut terkejut.

"Sejak bila pula jadi mata-mata gelap ni. Suka hati saya lah, nak pergi mana pun... Yang awak sibuk, kenapa? Marah Amin. Meluat benar dia melihat wajah Haryati.

"Abang..., abang jangan tipu Yati! Yati nampak abang di kedai makan tadi! Siapa perempuan tu? Apa hubungan abang dengan dia? Abang nampak mesra sangat.

Dengan Yati pun abang tak pernah buat macam tu!" ujar Haryati separuh menjerit.

"Oo..., awak nak tau sangat ye! Baiklah..., dia tu sebenarnya kekasih saya, awak tahu! Kalau tak kerana awak merayu pada ibu nak sangat jadi isteri saya, dah lama kami bernikah! Tahu tak!" Marah Amin.

"Abang... Janganlah buat macam tu lagi. Berdosa! Abang bukannya muhrim dia. Baiklah..., kalau abang sayang sangat pada dia, abang kahwinlah dengan dia. Yati izinkan abang," sayu suara Haryati. Memanglah dia kecewa, namun, untuk kebahagiaan Amin, dia rela lakukan segalanya.

Dia mengambil kad lawatan sambil duduk di bangku berdekatan. Perlahan dia mengusap perutnya. Seakan ingin menyentuh insan kecil yang berada di dalamnya kini. Dia memerhatikan sekeliling. Kelihan wanita-wanita hamil yang lain sabar menantikan giliran untuk berjumpa doktor.

Mereka semua ditemani suami, tapi aku? Haryati mengeluh. Keadaan sudah banyak berubah kini. Dia kini berbadan dua. Amin juga sudah bernikah dengan Zaiton. Malah kini, mereka tinggal di rumahnya. Dia pula menawarkan diri untuk tinggal di rumah ibu. Biarlah. Asalkan Amin dapat selalu pulang menjenguknya. Akhirnya, Amin kini, semakin bahagia, biarlah. Kalau suaminya itu bahagia, InsyaaAllah dia pun turut bahagia. Walaupun Amin melebihkan Zaiton dalam segala hal. Dia akur.

Mungkin inilah nasib hidup bermadu. Masih terngiang-ngiang kata-kata ustaz di dalam ceramah tempoh hari.

"Isteri yang merelakan suaminya itu berkahwin lain. Dengan tidak ada sedikit pun dendam dihatinya..., maka InsyaaAllah, Allah telah menyediakan surga buat mereka..."

Dan kata-kata itulah yang membuatnya tenang kini. Dia semakin tabah, menghadapi hari-hari mendatang bersama kandungannya. Besarlah kau, nak! Semoga kau dapat menjadi insan yang beriman..., doanya dalam hati. Dia tenang menghayun buaian. Perlahan fikirannya merawang jauh. Kata-kata doktor Tamin sedikit sebanyak meruntun hatinya.

"Puan..., saya harap puan bersabar kerana apa yang bakal saya katakan ini akan mengejutkan puan. Sebenarnya saya dapat mengesan kandungan puan ini bermasalah. Kandungan didapati berada di luar rahim. Di sini, puan terpaksa membuat dua pilihan. Sama ada ingin menyelamatkan diri puan,

atau pun nyawa anak ini. Selalunya risiko memang tinggi dan jarang sekali ada kes ibu dan anak kedua-duanya selamat. Jadi saya harap puhan, fikirlah seeloknya.

Saya cadangan agar puhan gugurkan saja kandungan ni, sebab nyawa puhan lebih penting...," perlahan doktor itu bersuara.

"Tidak doktor, saya mahu anak saya diselamatkan. Berjanjiilah dengan saya... doktor!"

Perlahan jawab Haryati, sudah cukup untuk membuatkan doktor itu tergamam. Mak Limah berdiri di tepi beranda sambil menghirup udara malam. Hatinya tak tenteram. Runsing memikirkan soal anak-anak. Dia kasihan melihat Haryati keseorangan.

Bermadu dalam usia yang masih terlalu muda. Malah, dia yang sudah hampir dua puluh enam tahun berumah tangga ini puan, belum tentu dapat menerima hakikat untuk hidup bermadu.

Dan kini, menantunya itu yang menerima bahangnya. Dia kesal. Kesal dengan sikap Amin. Anak yang tak tahu mengenang jasa. Setelah berkahwin lain, jarang sekali dia menjenguk Yati. Langsung tak diambil peduli. Lupakah dia, Haryati juga perlukan kasih sayang? Entahlah... Dia pun tak mengerti. Semalam Amin menelefon, memberitahu yang Zaiton mengalami keguguran dan rahimnya terpaksa dibuang. Jadi dia perlu bersama Zaiton waktu ini. Tapi, Haryati juga sudah sarat benar. Lupakan Amin akan hal itu? Haryati..., tulus benar hati mu nak. Walaupun kau menderita, tak sekalipun kau merungut. Ibu kagum dengan semangat mu, Haryati!

"Aduhhh! Sakittt!" tiba-tiba kedengaran suara Haryati menjerit.

"Yati!"
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabakatuh.....

Buat abang yang disayangi... Moga abang waktu ini bahagia bersama Zaiton. Yati minta ampun dan maaf abang kerana menyembunyikan masalah kandungan ini. Yati cuba nak berbincang dengan abang, namun jarang benar abang ada di sisi Yati. Yati terpaksa buat keputusan sendiri, abang. Biarlah anak ini selamat. Biar Yati mengalah demi anak kita ini. Abang... Halalkan makan minum Yati dan segala salah silap Yati ketika bersama abang. Sesungguhnya, menjadi seorang isteri, adalah merupakan kenangan yang paling indah buat Yati. Yati sayang abang dan juga Zaiton. Yati tak pernah marah pada dia. Sampaikan salam Yati padanya abang, dan ampunilah dosa Yati selama Yati menjadi isteri abang. Wassalam. Amin menekup mukanya yang basah.

Mereka dalam perjalanan ke hospital bertemu Haryati. Khabarnya Haryati tenat. Ya Allah! Apa yang dah aku lakukan?! Amin, menamparkan pipi.

Amin berdiri di sisi pusara yang masih merah. Perlahan yang meninggalkan kawasan perkuburan itu dengan perasaan sedih.

"Abang.....abang baru pulang dari tanah perkuburan ke....?" perlahan Zaiton bertanya.

Mak Limah yang sedang menyusun piring di meja juga turut mengesahkan perubahan anaknya itu.

"Hmm....," sepatuh jawab Amin.
"Ibu.... anak Amin mana?"

"Dia ada di atas, baru lepas menyusu. Baru tidur tu," perlahan suara Mak Limah.

Amin mengatur langkah menuju ke atas. Pintu bilik diketuk. Leka dia memerhatikan anak lelakinya sedang lena tidur. Perlahan dia menghampiri, lalu mencium dengan perlahan.

"Aa....abang...." Amin senyum. "Ya sayang...., rehatlah. Sayangkan masih penat...." Dia membuka mata perlahan-lahan.

"Abang ke mana tadi....?"
"Hm.....abang pergi melawat kawan abang yang meninggalkan dunia. Kesian dia....," ujar Amin.

"Aaa.... abang....., cantiknya anak kita....?"

"Cantik sayang.....Cantik sangat macam muka Yati. Sudahlah sayang. Abang janji akan jaga Yati dan anak kita baik-baik.... Sekarang, sayang rehat, ya....," perlahan Amin mengucap dahi Haryati.

Alhamdulillah....., terima kasih Ya Allah. Terima kasih kerana memberi peluang kedua untukku!

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Muslimah
Masjid UBD



Membentuk Muslimah berkualiti, berwibawa menuju jannah

KUMPULAN Muslimah Masjid Universiti Brunei Darussalam (UBD) ditubuhkan pada 5 Mei 2019 dan diluluskan pendaftarannya pada 2 Julai 2019 di Bahagian Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Kewujudan Kumpulan Muslimah Masjid ini adalah atas inisiatif Imam masjid berkenaan, Awang Haji Muhamad Ashraf bin Haji Bujang Yussop, di mana sebelum Kumpulan Muslimah ini dibentuk, beliau terlebih dahulu menubuhkan kumpulan Belia dan Beliananis Masjid pada bulan Februari 2019.

Keramaian ahli Kumpulan Muslimah ini berjumlah 89 orang yang majoritinya terdiri daripada penduduk Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba.

Peranan

Ahli Jawatankuasa Tadbir (AJKT) Muslimah Masjid UBD telah berjaya menerbitkan buku Ratib, Dikir dan Tausyeh (RDT) pada bulan Jun 2020 iaitu sebanyak 1,000 naskhah dan telah dilancarkan pada 15 September lalu dengan mengambil sambutan Sambutan 25 Tahun Penubuhan Masjid UBD. Buku RDT mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang ramai sehingga diulang cetak sebanyak lima kali berjumlah

menjadikan sebanyak 6,000 naskhah.

Walaupun Kumpulan Muslimah ini masih berusia muda, namun mereka bergerak aktif melaksanakan pelbagai kegiatan keagamaan, kebajikan, kemasyarakatan, pendidikan dan kesukanan untuk mencapai objektif penubuhannya khususnya dalam membentuk 'Muslimah Berkualiti dan Berwibawa Menuju Jannah' yang menjadi slogan kumpulan ini.

Kegiatan pertama yang dibukaialah mengikut Kursus Fardu 'Ain pada bulan Mei 2019 dan seterusnya bertadarus serta Qiamulail dalam bulan Ramadan 1441H. Meskipun kumpulan ini belum didaftarkan secara rasmi ketika itu, kumpulan ini meneruskan aktiviti seperti bertadarus ke rumah-rumah, mengadakan lawatan muhibah sambil belajar, Santai Menyusur Perjalanan Ilmu ke Masjid-masjid, Balai-balai Ibadat, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta, menghadiri majlis-majlis ilmu, ceramah, kursus, forum, seminar, taklimat, membantu golongan orang kurang berkemampuan, menghulurkan infaq kepada anak-anak yatim dan balu, infaq Juma'atan dan menerbitkan buku.

Di samping itu, AJKT Muslimah juga menerbitkan buku Takhtim yang dibaca semasa Majlis Khatam Al-Quran Nyah

COVID-19 dan mencetak beg khas Muslimah. Pencetakan Buku RDT dan beg Khas Muslimah tersebut adalah sebagai usaha untuk mendapatkan sumber kewangan Muslimah bagi kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan.

Membentuk Muslimah Berkualiti

Salah satu objektif penubuhan kumpulan ini adalah untuk mempelajari ilmu Fardu 'Ain dan Fardu Kifayah. Muslimah masjid ini menghadiri empat kelas bimbingan secara teratur iaitu pada sebelah malam Isnin, Kelas Bimbingan Iqra, Rabu malam, Kelas Bimbingan Dikir dan Tausyeh (berselang minggu) dan Kelas Bimbingan Al-Quran dan Tajwid pada Jumaat malam.

Alhamdulillah setiap kali kelas bimbingan diadakan, keahlian yang hadir pasti akan melebihi 30 orang. Di samping itu, Penyelia selaku Ketua Muslimah juga sering menyampaikan kata-kata semangat dan motivasi kepada ahli-ahli lain tentang pentingnya membaca Al-Quran dalam kehidupan sehari-hari dan memahami isi kandungannya kerana seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadid, ayat 9 :

"*Dialah yang menurunkan kepada hambaNya (Nabi Muhammad) keterangan-keterangan Al-Quran yang terang nyata, kerana Dia hendak*

mengeluarkan kamu dari gelap-gelita (kekufran) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang. Dan (ingatlah) sesungguhnya Allah Maha Belas, lagi Maha Mengasihani, terhadap kamu".

Dalam Kelas Bimbingan Dikir dan Tausyeh, Muslimah Masjid UBD diajar oleh ustazah-ustazah yang berpengalaman dan hasilnya, meskipun seperti perumpamaan 'Buah cempedak di luar pagar, ambil galah tolong jolokkan', para Muslimah Masjid UBD banyak diundang berdikir ke rumah-rumah semasa Sambutan Maulidul Rasul, majlis-majlis perkahwinan, pindah rumah dan Majlis-majlis Kesyukuran pada tahun 2019 dan 2020.

InsyaaAllah dalam masa terdekat, Kumpulan Muslimah ini akan menerbitkan sebuah album Nostalgia Semusim Perjalanan Muslimah Masjid UBD 2019 - 2020 yang merakamkan semua kegiatan Muslimah Masjid UBD sejak ditubuhkan sehingga akhir tahun 2020.

Sememangnya peranan kaum Muslimah dalam masyarakat tidak kurang penting dalam membentuk dan menerapkan keperibadian dan akhlak yang tinggi. Dengan adanya akhlak yang baik dalam masyarakat maka terjaminlah kemakmuran sesebuah negara itu. Semoga segala usaha yang dilaksanakan itu akan sentiasa diberkati.



Pelukis teruja lakar potret enam legenda bola sepak di Stadium Bandaraya

GEORGE TOWN, 25 Dis. - Peluang melakar potret enam legenda serta ikon bola sepak Pulau Pinang untuk tatapan umum di dinding Stadium Bandaraya di Jalan Perak di sini, mengundang rasa teruja dan terharu kepada seorang pelukis kelahiran negeri itu.

Mohd Azmi Mohd Hussain, 36, berkata peluang mengabadikan wajah Allahyarham Ali Bakar, Allahyarham Datuk Namat Abdullah, Datuk M. Kuppan, Pang Siang Hock, Shukor Salleh dan pemenang Anugerah Puskas 2016 Mohd Faiz Subri itu diberikan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBBP) yang memintanya melukis mural di dinding stadium tersebut.

"Saya terfikir untuk abadikan legenda bola sepak kita selepas melihat pelukis luar negara melukis wajah legenda bola sepak

dunia mendiang Diego Maradona sebagai penghargaan dan MBPP bersetuju dengan idea saya itu," katanya yang ditemui Bernama ketika sedang menyiapkan mural tersebut di sini.

Menurutnya mural itu bersempena sambutan Hari Bandar Raya yang akan dilancarkan Datuk Bandar Datuk Yew Tung pada Januari ini.

Mohd Azmi yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang itu berkata beliau memulakan kerja-kerja melukis pada Isnin lepas dan dijangka siap sepenuhnya hari ini.

Menurutnya usaha beliau itu turut mendapat sokongan moral orang ramai yang melalui kawasan berkenaan, sekali gus memberi kepuasan pada dirinya.

Mohd Azmi juga berharap mural yang dihasilkannya itu akan menjadi satu lagi tarikan pelawat

di Pulau Pinang selain terus diberikan peluang melukis lebih banyak potret bintang sukan negara selepas ini.

Sepanjang kerjayanya sebagai pelukis, Mohd Azmi mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBR) sebanyak dua kali.

"Pada 2017, saya mencipta nama dalam Malaysia Book of Records dengan melukis karikatur 320 wajah secara live dalam masa 24 jam di Jalan Masjid Kapitan Keling manakala pada 2019 saya melukis kopi terpanjang di Malaysia, iaitu sepanjang 101 meter di Starbucks Coffee di Karpal Singh Drives yang ditaja Starbucks," katanya.

Sementara itu, orang awam yang melalui kawasan berkenaan menyifatkan mural tersebut secara tidak langsung membolehkan generasi muda sekarang mengenali

bintang bola sepak sebelum ini.

"Rasa seronok bila melalui kawasan ini ada mural pemain bola sepak. Sebelum ini, kawasan



dinding ini kosong sahaja," kata Nazri Walid, 46. - ©BERNAMA

Isu air : Penyelesaian di mahkamah sebagai langkah terakhir - MB Kedah

JERLUN, 25 Dis. - Kerajaan negeri Kedah tidak menolak kemungkinan membawa isu tuntutan bayaran caj air mentah terhadap Pulau Pinang ke mahkamah sekiranya masalah itu tidak dapat diselesaikan.

Menyatakan hal yang sama, Menteri Besar Muhammad Sanusi Md Nor bagaimanapun berkata pihaknya masih mahu menyelesaikan perkara itu secara rundingan. "Sekarang kita runding dahulu di antara kerajaan negeri Kedah dan Pulau Pinang, lagipun kita sama-sama dalam Malaysia.

"Tetapi, sekiranya (temui) jalan buntu lagi, isu ini boleh dibawa ke mahkamah dan itu merupakan jalan terakhir yang akan diambil oleh kerajaan negeri," katanya yang ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Pecah Tanah Kompleks PAS Jerlun di sini, hari ini.

Beliau ditanya sama ada kerajaan negeri akan membawa isu tersebut ke mahkamah sekiranya Pulau Pinang tetap enggan membayar caj air yang dituntut kerajaan negeri Kedah.

Semalam, Muhammad Sanusi memberi bayangan akan meminta campur tangan kerajaan persekutuan jika Pulau Pinang tetap enggan menerima pelawaan kerajaan negeri Kedah untuk berunding.

Kedah sebelum ini menuntut Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menjelaskan bayaran sumber air mentah dari Sungai Muda sebanyak RM50 juta setahun sejak 2010 namun tiada sebarang tindakan dibuat oleh pihak berkenaan. - ©BERNAMA

KKMM, Finas pantau pematuhan SOP di pawagam

PUTRAJAYA, 25 Dis. - Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) memantau pelaksanaan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang digarisbawahi Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengekang COVID-19 di pawagam seluruh negara. Dalam kenyataannya hari ini, Finas berkata satu Program Lawatan Santai ke Pawagam telah diadakan di Golden Screen Cinemas (GSC) di Alamanda di sini semalam, bertujuan memantau pelaksanaan dan pematuhan SOP di pawagam itu.

Program itu disempurnakan oleh Ketua Setiausaha KKMM Datuk Seri Mohammad Mentek dan turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital) KKMM Tan Chuan Ou serta Ketua Pegawai Eksekutif Finas Ahmad Idham Ahmad Nadzri. Mohammad turut melawat Bilik Projektor GSC bagi memantau operasi dan proses penayangan filem di pawagam.

Menurut Finas, sesi lawatan santai itu berupaya mengukuhkan hubungan strategik antara KKMM, Finas dan pemain industri pawagam dalam mendepani cabaran pemulihan ekonomi impak penularan COVID-19. - ©BERNAMA

China bina 580,000 stesen pangkalan 5G tahun ini

BEIJING, 25 Dis. - China menyaksikan kemajuan pesat dalam pembangunan rangkaian 5G apabila jumlah stesen pangkalan 5G yang dibina pada 2020 dilaporkan mencecah 580,000 buah.

Jurucakap Kementerian Industri dan Teknologi Maklumat China (MIIT), Wen Ku pada sidang akbar, Khamis berkata sasaran diletakkan China pada awal tahun ini telah tercapai dengan kawasan liputan 5G meliputi semua bandar di negara ini.

Menurut Wen Ku, jumlah pengguna 5G juga semakin meningkat dengan jumlah peranti terminal yang disambungkan ke rangkaian telah melebihi 200 juta.

Jelas Wen, jumlah telefon bimbit 5G yang dijual di pasaran domestik mencatat 144 juta dalam tempoh 11 bulan tahun ini, iaitu mencakupi 51.4 peratus daripada keseluruhan penjualan.

Dalam perkembangan lain, MIIT memberi jaminan untuk terus komited mendorong pembangunan rangkaian 5G.

Menurut kementerian itu, ia bukan sahaja untuk meningkatkan jumlah pelanggan dan kawasan liputan, malah turut menyediakan perkhidmatan mengikut kehendak pengguna bagi membina rangkaian 5G berkualiti tinggi.

Di samping itu, pihaknya juga berazam memperkasa inovasi teknologi, mendorong pembangunan, penyelidikan dan ujian teknologi 5G, selain meningkatkan daya sokongan infrastruktur industri, mempercepat proses penetapan piawaian baharu agar teknologi 5G diguna pakai dengan lebih meluas. - ©BERNAMA

PBB bimbang pengampunan Trump terhadap pengawal Blackwater

GENEVA, 24 Dis. - Pejabat hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Rabu bimbang dengan pengampunan diberikan Presiden Amerika Syarikat (AS) baru-baru ini kepada empat pengawal keselamatan syarikat tentera swasta, Blackwater yang disabitkan bersalah membunuh 14 orang awam Iraq, lapor Agensi Berita Xinhua.

Jurucakap Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia, Marta Hurtado dalam satu kenyataan berkata pengampunan itu menyumbang kepada alasan kekebalan dan akan mengakibatkan lebih ramai

melakukan jenayah tersebut pada masa depan.

Empat individu berkenaan dijatuhi hukuman antara 12 tahun hingga penjara seumur hidup, termasuk atas tuduhan pembunuhan peringkat pertama.

"Dengan menyiasat jenayah ini dan melengkapkan prosiding undang-undang, AS mematuhi kewajibannya di bawah undang-undang antarabangsa, serta menegakkan kewajibannya untuk memastikan mereka bertanggungjawab terhadap jenayah tersebut."

Menurut laporan media, Presiden Donald Trump pada Selasa memberikan pengampunan penuh kepada 15 individu, termasuk empat pengawal keselamatan Blackwater yang disabitkan kesalahan membunuh 14 orang awam Iraq. - ©BERNAMA

Pejabat hak asasi manusia PBB menyeru AS terus komited memerangi kekebalan terhadap pencabulan hak asasi manusia dan pelanggaran serius undang-undang kemanusiaan antarabangsa, serta menegakkan kewajibannya untuk memastikan mereka

bertanggungjawab terhadap jenayah tersebut.

Menurut laporan media, Presiden Donald Trump pada Selasa memberikan pengampunan penuh kepada 15 individu, termasuk empat pengawal keselamatan Blackwater yang disabitkan kesalahan membunuh 14 orang awam Iraq. - ©BERNAMA



COVID-19 : Singapura catat satu kes dengan strain virus UK B117

SINGAPURA, 23 Dis. - Singapore hari ini melaporkan satu kes yang disahkan dengan strain virus UK B117 membabitkan seorang remaja perempuan berumur 17 tahun yang menutup di United Kingdom (UK) dari Ogos 2020, menurut Kementerian Kesihatan republik itu (MOH).

Menurut MOH, laporan baru-baru ini menyatakan bahawa strain B117, varian virus

COVID-19 yang lebih berpotensi untuk menular, kini merebak di UK dan Makmal Kesihatan Awam Nasional sedang melakukan turutan genom virus bagi kes-kes COVID-19 yang disahkan dan tiba dari Eropah baru-baru ini.

Sejumlah 31 kes import dari Eropah yang tiba di Singapura antara 17 Nov dan 17 Dis 2020 telah disahkan mempunyai jangkitan COVID-19 pada

Disember 2020, menurut MOH dalam kenyataan di sini.

Kenyataan itu menyebut 12 daripada mereka tidak dijangkiti strain B117 manakala seorang lagi didapati dijangkiti strain tersebut.

"Lima sampel tidak boleh dipastikan susulan kandungan virusnya yang rendah dan kami masih menunggu keputusan 11 lagi kes yang pada awalnya dikesan positif strain B117. Dua kes belum

disaring setakat ini," katanya.

Kementerian itu berkata tiada bukti setakat ini bahawa strain B117 sedang menular dalam komuniti.

Semua kes telah diberikan Notis Duduk Di Rumah selama 14 hari (SHN) di kemudahan yang ditetapkan atau diasangkan sejurus tiba di Singapura dan kontak rapat mereka telah dikuarantin lebih awal, katanya.

Sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengurangkan risiko penularan, Singapura telah mengumumkan semalam bahawa mulai 23 Dis jam 2359, semua pemegang pas jangka panjang dan pelawat jangka pendek dengan sejarah perjalanan terkini ke UK dalam tempoh 14 hari lepas tidak akan dibenarkan masuk ke atau transit di republik itu. - ©BERNAMA

Petugas kesihatan New York alami alahan teruk selepas disuntik vaksin Pfizer

MOSCOW, 24 Dis. - Seorang pekerja kesihatan di New York mengalami tindak balas alergi teruk selepas disuntik vaksin COVID-19 Pfizer, lapor Agensi Berita Sputnik.

Menurut majalah Newsweek, memetik pegawai, kes ini yang pertama daripada lebih 30,000 orang yang menerima suntikan vaksin di bandar ini.

Menurut majalah itu petugas tersebut telah dirawat dan berada dalam keadaan stabil. Tiada maklumat lanjut terkini mengenainya.

"Vaksin mempunyai kesan sampingan dan reaksi alahan, walaupun jarang terjadi, ia biasa berlaku. Kami juga tahu bahawa berdasarkan ujian klinikal dan laporan kesan buruk di bidang kuasa lain, reaksi seperti ini jarang terjadi tetapi telah dilaporkan berlaku dengan vaksin Pfizer," kata Jabatan Kesihatan dan Kesejahteraan Mental NYC dalam satu kenyataan pada Rabu. - ©BERNAMA

Korea Selatan meterai perjanjian beli vaksin COVID-19 dihasilkan Janssen, Pfizer

SEOUL, 24 Dis. - Korea Selatan menandatangani perjanjian dengan dua pengeluar ubat global, Janssen dan Pfizer, untuk pembelian vaksin COVID-19, dan merancang memulakan vaksinasi pada suku kedua 2021, kata Perdana Menteri Chung Sye-kyun pada Khamis.

Chung berkata di bawah perjanjian itu, Seoul akan menerima enam juta dos vaksin daripada Janssen dan 10 juta lagi dos dibekalkan Pfizer, lapor Agensi Berita Yonhap.

Awalnya, Korea Selatan merancang mendapatkan dua juta dos vaksin Janssen. Kerajaan dijadual mula menawarkan vaksin itu pada suku kedua tahun depan, tambahnya.

Dos vaksin Pfizer dijadual tiba di Korea Selatan pada suku ketiga 2021, namun kerajaan menggerakkan semua sumber untuk mempercepatkan penghantaran pada suku kedua, tegas Chung.

Pengumuman itu dibuat di tengah kritikan hebat mengenai program pemerolehan vaksin terhadap pentadbiran Moon Jae-in. Pengkritik berpendapat Korea Selatan ketinggalan berbanding negara lain dalam mendapatkan bekalan vaksin kerana Moon "salah perhitungan" dengan keadaan.

Chung berkata, "kerajaan akan berusaha memastikan rakyat dapat divaksin secepat mungkin, tanpa sebarang kebimbangan, sambil meneliti keselamatan dan keberkesanannya vaksin yang didaftarkan (di luar negeri)." - ©BERNAMA

Pengasas karate wado Iran dipilih Warisan Manusia UNESCO

TEHRAN, 24 Dis. - Ahli karate dan pemimpin pertama Persekutuan Karate Iran era pasca-Revolusi Mohammad Baqer Aqamiri merangkap dan Ketua Jawatankuasa Teknikal Persekutuan diiktiraf sebagai Warisan Manusia Hidup (Living Human Treasure) oleh Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan, dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Aqamiri adalah pengasas Karate Wado di Iran, iaitu satu daripada empat gaya utama dalam Karate, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

Sementara untuk seni miniatur yang melibatkan Iran, Turki, Azerbaijan dan Uzbekistan didaftarkan sebagai Warisan Tidak Ketara ke-15 Iran di UNESCO semasa mesyuarat Jawatankuasa Warisan Tidak Ketara Dunia UNESCO ke-15.

Lima seniman veteran seni asli termasuk Mahmoud Farshchian, Majid Merhrigan, Mahin Afshani dan dimasukkan dalam Senarai Warisan Dunia UNESCO.

Warisan Manusia Hidup menurut UNESCO adalah individu yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi yang diperlukan untuk melakukan atau mencipta semula unsur-unsur tertentu daripada warisan budaya tidak ketara. - ©BERNAMA

2020, serlahkan setia kawan masyarakat Timur hadapi krisis

BEIJING, 24 Dis. - Sejak sekian lama, masyarakat dunia dihidangkan pelbagai filem dan novel fiksyen, mengisahkan betapa penghuni Bumi bersatu padu berganding bahu menghadapi ancaman global atau menentang makhluk asing.

Namun pada 2020, tanpa diduga, apa yang sebelum ini dianggap sekadar karya rekaan dan khayalan, masyarakat kini merasai sendiri krisis berkenaan.

Meskipun pada awalnya ada segelintir menganggap ia suatu rekaan, hakikatnya krisis global ini benar-benar berlaku dan pandemik COVID-19 sedang melanda seluruh dunia, yang setakat ini sudah meragut lebih 1.7 juta nyawa.

Bagaimanapun, ramai kecewa apabila perpaduan sesama insan untuk melawan pandemik ini tidak berlaku sepertimana yang digambarkan oleh filem dan novel fiksyen.

Sudah terang lagi bersuluh, kuasa besar masih meneruskan agenda politik masing-masing ketika dunia berdepan pandemik demi kelangsungan kuasa mereka, meskipun setiap hari ribuan nyawa rakyat menjadi taruhan.

Sikap rakus sesetengah negara itu dapat dilihat menerusi tindakan mereka menempah vaksin COVID-19 melebihi kadar yang diperlukan.

Dalam keadaan ekonomi dunia yang berdepan kemererosotan serius, sesetengah negara masih mengekalkan amalan unilateralisme, mengenakan sekatan dan mementingkan diri.

Berbeza di dunia Timur, khususnya antara China dengan ASEAN, penulis menyaksikan adanya perpaduan, bukan hanya dalam usaha memerangi wabak, malah mencakupi aspek pemulihan ekonomi.

Ia sekali gus menambah keyakinan penulis, bahawa komuniti berkongsi nasib, boleh dibentuk dan bersatu untuk berdepan krisis bersama.

Masyarakat di rantau ini melihat pada awal krisis, sewaktu wabak melanda Wuhan, ASEAN turut menghantar bantuan dan menghulurkan sokongan kepada rakyat China.

Penulis masih ingat, betapa kakitangan Jabatan Pelancongan Thailand merakam video dalam Bahasa Mandarin untuk menyuntik semangat penduduk Wuhan yang sedang menghadapi situasi mencabar.

Tidak ketinggalan Perdana Menteri Kemboja Hun Sen, turut melawat Beijing pada 5 Februari, menjadi pemimpin asing pertama ke China sejak tercetusnya wabak berkenaan. Pada awalnya beliau mahu melawat Wuhan, namun dibatalkan atas faktor keselamatan.

Pada malam 31 Januari 2020, Pengurus Persatuan Persahabatan Malaysia-China, Datuk Abdul Majid Khan menghantar mesej peribadi kepada penulis menyatakan pihaknya menyediakan 100 ribu sarung tangan getah perubatan untuk dihantar ke Wuhan.

Sokongan pelbagai negara termasuk negara ASEAN banyak membantu China untuk pantas mengatasi wabak.

Dan atas dasar membalsas budi juga, China kini tampil menghulurkan tangan membantu rakan di Asia Tenggara yang kini bergelut dengan wabak ini.

Setakat ini, China telah menyediakan lebih 200 bilion pelitup muka, dua bilion sut PPE dan 800 juta kit ujian COVID-19 kepada dunia serta menyediakan bantuan kawalan wabak kepada lebih 150 buah negara dan sembilan pertubuhan antarabangsa.

Di samping itu juga, China mengerahkan 36 pasukan pakar perubatan ke 34 buah negara selepas mendapat permintaan untuk berkongsi pengalaman menentang wabak.

Dalam bidang pembangunan dan penyelidikan vaksin juga, China kini mempunyai 15 jenis vaksin yang sedang dalam peringkat kajian, membabitkan lima teknologi berbeza, termasuk lima vaksin yang akan tamat fasa percubaan klinikal ketiga dalam masa terdekat.

Pemimpin China berulang kali menegaskan vaksin China akan disediakan sebagai produk awam yang mampu diperoleh negara-negara membangun.

ASEAN sebagai jiran rapat China pula telah dijanjikan bahawa keperluan vaksin serantau akan diutamakan.

Indonesia sebagai negara yang terlibat dalam program percubaan vaksin China, sudah dibekalkan dengan 1.2 juta dos vaksin.

Penyelidikan vaksin China mengutamakan keselamatan dan keberkesanannya. Justeru, China akan membekalkan kepada negara-negara ASEAN setelah vaksin ini dimuktamadkan dan

dipasarkan secara rasmi.

Selain mencetuskan ancaman kesihatan global, pandemik turut mencetuskan impak serius kepada ekonomi dunia.

Dengan sokongan pelbagai negara khususnya negara serantau selain kawalan pencegahan wabak yang ketat, ekonomi China kini semakin pulih. Pasaran China yang stabil dan berkualiti menyediakan peluang ketika pelbagai negara lain menghadapi kemerosotan.

Meskipun sebagai mangsa terbesar perlindungan perdagangan dan amalan dasar unilateralisme, China secara kukuh menyokong perdagangan bebas, terbuka dan sama rata. Ini selaras dengan hala tuju ASEAN.

Pada 15 November lalu, RCEP berjaya dimeterai dengan usaha ASEAN bersama-sama lima rakan dialognya. Perjanjian ini mendapat sokongan penuh China dan memperlihatkan hasrat serantau untuk bersatu melawan unilateral dan perlindungan perdagangan.

Pada 20 November, pada Sidang Kemuncak APEC yang diadakan secara maya, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyeru negara anggota untuk sama-sama menggalakkan pemulihran ekonomi serantau.

Negara anggota membincangkan pelbagai kaedah untuk merangsang pemulihran ekonomi termasuk ekonomi digital yang terbukti berkembang pesat ketika pandemik.

RCEP dan APEC telah memperlihatkan hasrat rantaui ini yang tidak berlutut di depan pandemik, sebaliknya berganding bahu berjuang untuk kehidupan rakyat yang lebih baik.

Semua resepi-resepi ini membuatkan penulis lebih yakin terhadap masa depan rantaui kita.

Dan penulis turut teringat mengenai peristiwa yang amat memberi kesan mendalam iaitu sidang media Presiden Serbia, Aleksandar Vucic yang sebak ketika mengungkap kata-kata bahawa pandemik ini membuatkan beliau sedar bahawa apa yang dikatakan perpaduan antarabangsa atau perpaduan Eropah itu sebenarnya berlaku - itu hanya sekadar 'kisah dogeng' sahaja.

Tapi, berbeza dengan kita. Kita dengan bangga boleh memberi tahu dunia bahawa perpaduan di Timur, benar-benar wujud. Inilah tamadun kita, inilah kekuatan kita, inilah prospek kita. - ©BERNAMA

Hampir 15kg dadah disembunyikan dalam dua lori Malaysia dirampas

SINGAPURA, 23 Dis. - Pihak Berkusa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) Singapura menggagalkan dua cubaan berasingan untuk menyeludup kira-kira 15 kilogram (kg) dadah yang disembunyikan di dalam dua lori yang didaftarkan di Malaysia, melalui Pusat Pemeriksaan Woodlands.

Dua pemandu warga Malaysia berumur 38 dan 44 tahun ditahan dan dibawa ke Biro Narkotik Pusat (CNB) untuk siasatan, demikian menurut pihak berkuasa itu dalam kenyataan bersama di sini hari ini.

Pada 18 Dis lepas, sebuah lori

yang didaftarkan di Malaysia membawa bungkus tanpa tauge telah dirujuk oleh pegawai ICA untuk pemeriksaan lanjut dan mendapat terdapat tujuh bungkus tanpa tauge terkawal mengandungi kira-kira 4,622 g heroin dan 521 g dadah jenis 'ice' di dalam lori tersebut.

Sementara itu, kes kedua pada 21 Dis melibatkan sebuah lori yang membawa perabot dan alat ganti kendaraan dan pegawai yang memeriksa kendaraan berkenaan merasa curiga apabila mengesan sesuatu yang ganjal dalam imej imbasan X-ray bungkus yang diisyiharkan sebagai 'barang

peribadi'.

Semasa pemeriksaan lanjut, pegawai ICA menemukan bungkus mengandungi 4,368 g 'ice', 5,110 g kanabis, 4,900 biji pil ekstasi dan 4,750 biji pil Erimin 5 yang disembunyikan di dalam perabot itu.

Penemuan dadah di pusat pemeriksaan itu membawa kepada operasi penguatkuasaan antidadah oleh CNB di beberapa lokasi di negara ini, menurut kenyataan itu.

Sebanyak 4,622 g heroin, 5,393 g 'ice', 5,482 g kanabis, 247 g ketamin, 5,111 biji pil ekstasi dan 5,383 biji pil Erimin 5 yang

kesemuanya bernilai hampir \$2.3 juta berjaya dirampas.

Kenyataan itu memberitahu tujuh suspek berkaitan kesalahan dadah, terdiri daripada enam lelaki

dan seorang wanita berumur 20 hingga 55 tahun ditahan. - ©BERNAMA

China lancar roket pembawa Long March-8

WENCHANG, 23 Dis. - Roket pembawa Long March-8 dilancarkan di Pusat Pelancaran Wenchang tepat 12.47 tengah hari, pada Selasa, sekali gus menandakan kejayaan penghantaran lima satelit ujian ke orbit.

Untuk rekod, Long March-8 merupakan roket pembawa sederhana generasi baharu yang dikaji dan direka China untuk pasaran pelancaran angkasa lepas komersial antarabangsa.

Kini, keperluan pelancaran satelit beroperasi pada orbit sederhana dan rendah kian meningkat.

Faktor memenuhi keperluan kekurangan roket pembawa yang sesuai bagi satelit operasi mengorbit matahari secara serentak dengan berat tiga hingga 4.5 tan juga merupakan antara sebab roket pembawa Long March-8 direka dan dihasilkan.

Roket sepanjang kira-kira 50.3 meter itu turut dilengkapi dua alat penggalak, mampu menghantar muatan maksimum sehingga 4.5 tan, secara serentak ke orbit dan matahari sejauh 700 kilometer.

Selain itu, bahan penggalak cecair yang hijau dan mesra alam juga diguna pakai dalam pelancaran roket tersebut.

Naib Pereka Utama roket pembawa itu, Wu Yitian berkata Long March-8 dijangka berperanan penting dalam pasaran pelancaran angkasa lepas komersial dalam dan luar negara kerana kelebihan dimiliki iaitu kos berpatutan, mudah serta selamat. - ©BERNAMA

Bank Dunia beri pinjaman US\$500 juta untuk Projek Lebuh Raya India

NEW DELHI, 23 Dis. - New Delhi dan Bank Dunia pada Selasa menandatangi perjanjian mengenai Projek Koridor Lebuh Raya Hijau Nasional bernilai US\$500, lapor Agensi Berita Xinhua. Projek pembinaan lebuh raya itu membabitkan negeri Rajasthan, Himachal Pradesh, Uttar Pradesh dan Andhra Pradesh. Tempoh matang pinjaman ialah 18.5 tahun, termasuk tempoh penangguhan lima tahun.

Projek itu akan meningkatkan keupayaan Kementerian Pengangkutan Jalan dan Lebuh Raya Persekutuan dalam mengutamakan teknologi yang selamat dan hijau, menurut kenyataan Kementerian Kewangan Persekutuan. Ia membabitkan pembinaan lebuh raya sepanjang 783 kilometer di pelbagai kawasan geografi dan projek ini dijangka membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dalam pembinaan serta penyelenggaraan.

Pegawai kanan di Kementerian Kewangan Persekutuan C. Mohapatra berkata projek itu akan menetapkan piawaian baharu dalam pembinaan lebuh raya yang selamat. Projek di empat buah negeri itu dapat membantu meningkatkan hubungan dan mempromosikan pembangunan ekonomi, tambah beliau. Objektif utama infrastruktur pengangkutan adalah untuk menyediakan rangkaian lebuh raya yang lancar selain mengurangkan kos logistik. - ©BERNAMA

Trump timbang ampun individu kes siasatan skandal Rusia

WASHINGTON, 23 Dis. - Laporan menyatakan Presiden Donald Trump menimbang memberi pengampunan tambahan kepada beberapa individu dikaitkan dengan siasatan Rusia, kes yang menjadi tumpuan sepanjang pentadbirannya.

Laporan itu menyatakan, pengampunan mungkin diberi kepada anggota keluarga Trump, malah terhadap peguam peribadinya Rudy Giuliani.

Berikutnya laporan Trump akan mengemukakan sejumlah pengampunan menjelang meninggalkan Rumah Putih, beliau yang juga Ketua Turus Angkatan Tentera, pada Selasa mengaku akan memberikan pengampunan kepada lebih sepuluh individu, lapor Agensi Berita Sputnik.

Antaranya bekas penasihat kampen George Papadopoulos, yang mengaku berbohong kepada FBI ketika siasatan mengenai hubungannya dengan seorang pegawai di London yang didakwa memberi maklumat sulit mengenai calon presiden 2016 Hillary Clinton.

"Papadopoulos dituduh bersubahat dengan jenayah, tuduhan membuat kenyataan palsu, berhubung siasatan yang dilakukan penasihat khas Robert Mueller mengenai kemungkinan campur tangan Rusia dalam pemilihan presiden 2016," kata Rumah Putih pada Selasa.

"Apa yang ketara, Mueller menyatakan dalam laporannya beliau mendapat tiada bukti kerjasama dengan cubaan Rusia untuk campur tangan dalam pilihan raya.

"Kenyataan itu menambah, pengampunan Papadopoulos membantu mempertebal kesilapan yang dilakukan pasukan Mueller kerana mengaitkan terlalu ramai individu.

Peguam Alex van der Zwaan, yang pernah bekerja dengan bekas ketua kampen Trump, Paul Manafort untuk melakukan tugas berkait dengan Ukraine, juga mendapat pengampunan.

Papadopoulos dan Van der Zwaan sudah menjalani hukuman penjara singkat kerana kesalahan mereka.

Turut mendapat pengampunan

termasuk bekas Duncan Hunter (R-CA) dan Chris Collins (R-NY), serta empat pengawal Blackwater yang disabitkan dengan pembunuhan 14 orang awam Iraq yang tidak bersenjata pada 2007.

Rumah Putih menyatakan pengampunan terhadap Collins dan Hunter telah dipohon oleh anggota Kongres Amerika Syarikat.

Ia diberi setelah Trump pada bulan lalu memberikan pengampunan kepada bekas penasihat keselamatan Michael Flynn, yang dua kali mengaku salah berbohong kepada FBI semasa siasatan mengenai pakatan sulit dengan Rusia.

Memetik rekod Jabatan Kehakiman AS, CNBC melaporkan bahawa sebelum 18 Disember, Trump mengeluarkan sejumlah 28 pengampunan dan 16 arahan meringankan hukuman.

Selain Flynn, pengampunan juga diberi kepada bekas Sheriff Arizona, Joe Arpaio, pakar konservatif Dinesh D'Souza dan bekas Pesuruhjaya Polis New York, Bernard Kerik. - ©BERNAMA

Jerman lanjut sekatan perjalanan dari UK

BERLIN, 23 Dis. - Jerman pada Selasa melanjutkan larangan perjalanan dari Britain hingga 6 Januari di tengah kebimbangan penularan varian baharu COVID-19, walaupun Suruhanjaya Eropah sebelum ini mencadangkan negara anggota menamatkannya.

Maklumat perjalanan terkini yang dikeluarkan pada Selasa itu melarang pelancong dari Britain masuk ke Jerman mulai 22 Disember hingga 6 Januari, namun

larangan itu tidak tertakluk kepada warga Jerman, lapor Agensi Berita Xinhua.

Dari 1 Januari 2021, individu yang mempunyai kebenaran tinggal dan menetap dibenarkan masuk, kata kenyataan itu. "Kerajaan persekutuan perlu meluluskan setiap penerbangan."

Jerman adalah antara negara Kesatuan Eropah yang baru-baru ini melarang atau mempertimbangkan untuk menyekat perjalanan dari Britain

kerana kebimbangan terhadap jenis virus baharu COVID-19 yang menular di seluruh selatan England.

Terdahulu, Suruhanjaya Eropah tidak menggalakkan perjalanan keluar dan masuk dari Britain yang kurang penting tetapi kebenaran diberikan kepada individu yang mahu kembali negara asal dengan syarat perlu menjalani ujian saringan COVID-19 atau kuarantin. - ©BERNAMA

China tingkat usaha kumpul salinan digital warisan budaya Dunhuang 2021

BEIJING, 23 Dis. - Pentadbiran Warisan Budaya Negara China (SACH) memaklumkan negara itu akan mengutamakan usaha pengumpulan salinan digital barang warisan budaya Dunhuang yang hilang di luar negara untuk tahun 2021.

Pengarahnya, Liu Yuzhu pada Mesyuarat Pengarah Warisan Budaya China di sini, Selasa

berkata tahun ini China mencapai kemajuan penting dalam usaha pencarian dan pengembalian barangan warisan budaya yang hilang di luar negara menerusi pemeriksaan kerjasama antarabangsa.

Untuk rekod, China telah menjalankan kerjasama antarabangsa dalam bidang membaik pulih bahan artifak dan

melancarkan program pertukaran muzium sehingga berjaya mengembalikan beberapa barang warisan berharga termasuk patung kepala kuda yang dirampas dari Yuanmingyuan Park.

Setakat ini, China sudah memeterai perjanjian dua hala dengan 23 buah negara untuk mencegah aktiviti pencurian,

pencarigan dan import eksport aset budaya secara haram.

Katanya, lebih 1,300 barang warisan berjaya dipulangkan kepada negara itu oleh Amerika Syarikat, Britain, Itali, Jepun, Turki dan Mesir.

Dalam perkembangan lain, Liu berkata, China akan melaksana pelbagai langkah pada 2021, termasuk meningkatkan pemantauan terhadap pasaran artifak purba antarabangsa, mendorong usaha penyiasatan bahan artifak yang hilang dan penyusunan data-data dan sumber

berkenaan.

Di samping itu Hari Membanteras Aktiviti Penyeludupan Aset Budaya Antarabangsa turut dirancang agar lebih banyak barang warisan budaya China dapat dikembalikan.

Jelas beliau, pada tahun depan kerja-kerja permohonan status Warisan Dunia UNESCO untuk peninggalan China juga akan terus diperkasakan selain meningkatkan pemantauan dan pengendalian rutin terhadap warisan budaya. - ©BERNAMA

Sukan

INFO SUKAN

PUSH Up atau tekan tubi merupakan senaman yang memfokuskan senaman otot di bahagian dada, perut dan bahu.

Manfaat Push Up tidak hanya efektif untuk membentuk otot-otot pada tubuh, namun ia juga bermanfaat untuk organ dalaman, seperti jantung hingga hormon-hormon tertentu.



ePaper Pelita Brunei

Tingkat penglibatan belia ke arah kehidupan sihat

BUNUT, Rabu, 23 Disember. - Kira-kira 40 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Bunut, belia-belia dan Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid Ar-Rahman, Tanjong Bunut, baru-baru ini mengadakan acara hiking di Bukit Silat.

Acara pelepasan, yang bermula di Simpang 59, Jalan Tanjong Bunut, pada jam 7.00 pagi tersebut, disempurnakan oleh Pemangku Ketua Kampung Tanjong Bunut, Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Jumat.

Sebelum memulakan perjalanan, taklimat ringkas mengenai keselamatan disampaikan oleh salah seorang AJK MPK, Awang Haji Sabtu bin Haji Salleh.

Perjalanan juga disertai oleh beberapa peserta wanita yang turut meredah laluan hutan dan menaiki anak-anak bukit selama lebih kurang dua jam.

Acara berakhir di Bukit Silat, di sebelah kawasan Kampung Katok sebelum kembali semula ke Tanjong Bunut bagi menikmati jamuan pagi, di kediaman Pemangku Ketua

ANTARA Ahli Majlis Perundingan Kampung Tanjong Bunut, para belia dan Ahli-ahli Jawatankuasa Masjid Ar-Rahman, Tanjong Bunut bergambar kenangan pada acara hiking di Bukit Silat tersebut.



Berita dan Foto : Ihsan Ideris Ali

Kampung.

Acara hiking tersebut adalah salah satu aktiviti anjuran MPK berkenaan bagi

mengerakkan kegiatan yang melibatkan penduduk kampung, khususnya para belia dan akan dianjurkan lagi dari semasa ke

semasa bagi meningkatkan penglibatan belia kampung ke arah kehidupan yang sihat dan cergas.

Team 'D' juarai Kejohanan Badminton Abdulle's

Siaran Akhbar dan Foto :
Kejohanan Badminton Abdulle's 1442 / 2020



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 23 Disember. - Kejohanan Badminton Abdulle's 1442 / 2020 dijalankan bermula 4 Disember dan berakhir pada 20 Disember 2020 lalu di Dewan SATENAGA, Kampung Tanjong Nangka.

Kejohanan tersebut merupakan kali ke-2 diadakan bagi pemain-pemain sebelah pagi yang aktif setiap pagi Jumaat dan Ahad di dewan berkenaan.

Pasangan Team 'D', yang terdiri daripada Hassan Din, Lani dan Haji KamirulAzman menjuarai kejohanan tersebut dengan membawa hadiah berupa wang tunai BND300 dan hadiah sampingan.

Sementara Team 'A' terdiri daripada Haji Abdullah, Ali Mustafa dan Zainuddin menduduki tempat kedua dengan menerima hadiah wang tunai BND250 dan hadiah sampingan.

Manakala tempat ketiga dan keempat masing-masing menerima wang tunai BND200 dan BND150 berserta hadiah

sampingan. Sementara itu, pemenang di tempat kelima dan keenam juga menerima sagu hati.

Pemain terbaik menjadi milik Lani, manakala Haji KamirulAzman dipilih sebagai pemain bersemangat, Haji Maskub terpilih sebagai pemain berjiwa kental dan Hassan Din pula sebagai pemain yang mengutamakan kebersihan dewan sepanjang kejohanan diadakan.

Sementara itu, Team 'A' sebagai pasukan terbaik dan Inzul Khalid dan Sani sebagai regu terbaik.

Kesemua pemain tersebut menerima hadiah berupa shuttlecock daripada pihak pengatur kejohanan.

Seramai 18 pemain mengikuti kejohanan tersebut yang dibahagikan kepada enam pasukan dan setiap pasukan mempunyai tiga orang pemain.

Kejohanan juga diadakan secara pusing keliling mengikut perkiraan mata yang tertinggi bagi menentukan tempat juara, naib juara, ketiga dan seterusnya.

PASANGAN Team 'D', terdiri daripada Hassan Din, Lani dan Haji KamirulAzman menjuarai kejohanan tersebut dengan membawa hadiah berupa wang tunai BND300 dan hadiah sampingan.

Tujuan kejohanan diadakan adalah untuk mengerakkan hubungan silaturahim dan meningkatkan kemahiran badminton dalam kalangan pemain.

Penyampaian hadiah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Urusan Haji, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohammad selaku penaja kejohanan.

Kejohanan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Maskub bin Haji Husen.

Tahukah Awda

JAMBATAN Edinburgh adalah mengambil nama sempena lawatan pertama kali Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ke Brunei dalam tahun 1959. Jambatan ini menyeberangi Sungai Kedayan yang menghubungkan dari Bandar Brunei ke Tutong dan Kuala Belait. Ia dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh selaku Tetamu Diraja pada 28 Februari 1959 jam 3.26 petang. Jambatan ini antara usaha baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dalam membaiki dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan sosial di Negeri Brunei Darussalam pada tahun 1950-an.

SUMBER : Laman Web Pusat Sejarah Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BANTU, BIMBING GOLONGAN OKU SUPAYA MEREKA BERASA DIKASIHI, DIHARGAI

دربیتکن اوله جابتون فراغن، جابتون فردا منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam